LAPORAN TAHUNAN 2020

www.lada.gov.my

LADA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

KANDUNGAN

BAB 1

PROFIL KORPORAT 4

- Maklumat Korporat 6
- Visi, Misi dan Dasar Kualiti 7
- Jemaah Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi 8

BAB 2

PERUTUSAN 10

- YAB Muhammad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Kedah Merangkap Pengerusi Bersama LADA 12
- YB Dato' Haji Mohd. Suhaimi Bin Abdullah, Pengerusi Bersama LADA 13
- YBrs. Dr. Ahmad Hezri Bin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA 14 – 15

BAB 3

RINGKASAN EKSEKUTIF 16

- Bidang Keberhasilan Utama 18
- Petunjuk Prestasi Kewangan 19
- Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi 20 – 21

BAB 4

STRUKTUR ORGANISASI 22

- Carta Organisasi 24
- Struktur Organisasi 25

BAB 5

TADBIR URUS KORPORAT 26

- Pengurusan Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah 28
- Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah 29 – 31
- Pengurusan Anak Syarikat 32 – 33

BAB 6

PENGURUSAN OPERASI DAN KHIDMAT PENGURUSAN 34

- Pengurusan Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan 36 – 45
- Pengurusan Aset Dan Fasiliti 46 – 53
- Teknologi Maklumat Peneraju Transformasi Digital 54 – 56
- Litigasi Dan Perundangan 57 – 61
- Pengurusan Audit 62 – 65
- Pengurusan Kewangan 66 – 69

BAB 7

INTEGRITI KORPORAT 70

- Tadbir Urus 73 – 74
- Pengukuhan Integriti 75 – 77
- Aktiviti Pematuhan 78

BAB 8

PENGURUSAN KORPORAT DAN KOMUNITI 80

- Komunikasi Strategik Dan Media Peneraju Imej Korporat 83 – 87
- Keberkesanan Perhubungan Awam Dan Perkhidmatan Pelanggan 88 – 92
- Pembangunan Komuniti Demi Kesejahteraan Langkawi 93 – 95

BAB 9

PRESTASI SEKTOR PELANCONGAN LANGKAWI 96

- Langkawi UNESCO Global Geopark 99 – 110
- Promosi Pelancongan Antarabangsa dan Domestik 111 – 113
- MICE (Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions) 114
- Jaringan Penerbangan 115 – 116
- Pembangunan Industri 117 – 123
- Acara Pelancongan Raih Kedatangan Pelancong 124 – 129

BAB 10

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK 130

- Pengurusan Projek Pembangunan 133
- Pelaksanaan Projek Pembangunan 134 – 137
- Lawatan Penanda Aras Teknikal 138

BAB 11

PEMBANGUNAN DAN PELABURAN PEMANGKIN SEKTOR PELANCONGAN 140

- Perancangan Pembangunan 143 – 144
- Pengurusan Tanah 145 – 147
- Kawalan Projek Pembangunan 148 – 149
- Pemantauan Projek Pelaburan Swasta 150 – 153
- Jalinan Kerjasama Agensi Kerajaan dan Swasta 154 – 159

BAB 12

PENYATA KEWANGAN 160 – 213

BAB 1

PROFIL KORPORAT

- Maklumat Korporat
- Visi, Misi dan Dasar Kualiti
- Jemaah Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi

Maklumat Korporat

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) diperbadankan di bawah Akta Parlimen untuk membangunkan Pulau Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Ia merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Kewangan yang ditubuhkan pada 15 Mac 1990.

Agensi ini merupakan sebuah agensi yang mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah melalui kepimpinan YAB Menteri Besar Kedah dan seorang lagi Pengerusi Bersama (lantikan oleh YAB Perdana Menteri) yang menerajui Jemaah Pengarah LADA.

Teras LADA mengutamakan pembangunan bersepadu melalui amalan pengurusan terbaik, perancangan strategik dan kolaborasi bersama agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, industri dan kepimpinan masyarakat.

VISI

Menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.



MISI

Menyelaras dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan melalui amalan pengurusan dan sistem penyampaian yang berkesan.

DASAR KUALITI

Menyediakan sistem penyampaian dan tadbir urus yang cekap dan berkesan. Kepuasan pelanggan akan sentiasa ditingkatkan melalui pematuhan kepada keperluan-keperluan dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti.

Jemaah Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi

Jemaah Pengarah LADA terdiri daripada dua (2) orang Pengerusi Bersama dan tiga (3) orang ahli. Pengerusi Bersama adalah terdiri daripada YAB Menteri Besar Kedah dan seorang wakil yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi menzahirkan komitmen Kerajaan Malaysia dalam memacu Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara dan dunia.

Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 423) menetapkan pelantikan Ahli Jemaah Pengarah LADA oleh YAB Perdana Menteri selepas berunding dengan YAB Menteri Besar Kedah. Pengurus Besar (Ketua Pegawai Eksekutif) LADA pula menjadi ahli ex-officio dalam Jemaah Pengarah LADA.

Keahlian Jemaah Pengarah LADA:

- Pengerusi Bersama

YAB Muhammad Sanusi Bin Md Nor
Menteri Besar Kedah

YBhg. Dato' Haji Mohd. Suhaimi Bin Haji Abdullah
Pengerusi Bersama LADA

- Ahli Jemaah Pengarah

YBhg. Dato' Suhara Binti Salleh
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia

YB Dato' Paduka Ammar Bin Dato' Shaikh Mahmood Naim
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

YBhg. Datuk Mohammad Bin Ismail
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Jabatan Perdana Menteri

- Ahli *Ex-Officio*

YBrs. Dr. Ahmad Hezri Bin Adnan
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

BAB 2

PERUTUSAN

- YAB Muhammad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Kedah Merangkap Pengerusi Bersama LADA
- Pengerusi Bersama YB Dato' Haji Mohd. Suhaimi Bin Abdullah, Pengerusi Bersama LADA
- YBrs. Dr. Ahmad Hezri Bin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA

PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA LADA MERANGKAP MENTERI BESAR KEDAH

YAB Muhammad Sanusi Bin Md Nor

Salam Kedah Serata-rata
Salam Kedah Sejahtera

Alhamdullilah setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Laporan Tahunan LADA 2020 berjaya diterbitkan.

Kita diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir sepanjang tahun 2020 iaitu pandemik COVID-19 yang mula dilaporkan di Malaysia pada bulan Januari. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita secara individu, tetapi daya ketahanan kita sebagai sebuah negara dan masyarakat yang berbilang kaum dan latar budaya.

Sektor Pelancongan adalah antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara dengan menyumbang lebih kurang 15.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Namun begitu, sektor ini merupakan antara sektor ekonomi yang mengalami impak langsung akibat penularan pandemik ini dengan mengalami kemerosotan sekitar 64.2 peratus berbanding tahun 2019.

Langkawi merupakan salah satu tarikan utama Negeri Kedah yang memberi sumbangan pendapatan pelancongan sebanyak RM1.72 bilion kepada negara pada tahun 2019. Namun begitu pada tahun 2020, pendapatan dari sektor pelancongan Langkawi telah menyusut sebanyak RM700 juta menjadikan pendapatan pada tahun tersebut ialah RM1 bilion.

LADA telah melancarkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi atau lebih dikenali sebagai HELANG pada pertengahan tahun 2020 bagi memulihkan sosioekonomi komuniti di Langkawi. Tindakan pantas ini membuktikan keprihatinan LADA terhadap kesan yang diterima oleh komuniti Langkawi setelah sektor pelancongan ditutup akibat penularan wabak COVID-19.

Melalui HELANG, LADA telah merangka 30 inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi memulihkan ekonomi Langkawi. Sebanyak RM3 juta telah diluluskan oleh Jemaah Pengarah LADA bagi menyokong pelaksanaan pelan ini dengan 10 strategi di bawah 3 teras utama iaitu kepelbagaian ekonomi, pelancongan yang selamat serta budaya setempat dan kelestarian.

Bertemakan Langkawi Destinasi Pelancongan Selamat, LADA telah menyasarkan jumlah ketibaan pelancongan sebanyak 2 juta bagi tahun 2021. Terkini, LADA memberikan fokus utama bagi pasca COVID-19 dengan menumpukan kepada pelancongan domestik (Domestic Travel Bubble) bagi menggerakkan semula pakej pelancongan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Sebagai persediaan untuk menghadapi pelancongan norma baharu, beberapa siri latihan akan diberi secara percuma mengikut kluster barisan hadapan.

Promosi yang jelas dan berkesan kepada pasaran yang tepat adalah penting dalam membuat perancangan promosi. Saya yakin kerjasama strategik bersama pemain industri dan pihak berkepentingan akan diatur bagi merancakkan semula industri pelancongan Langkawi. Saya menyeru supaya agensi Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil langkah pro aktif dalam mengharungi tempoh sukar ini. Di kesempatan ini saya ucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan LADA yang sentiasa berusaha membantu masyarakat setempat melalui pelbagai program bagi mendepani cabaran semasa penularan wabak COVID-19 ini berlaku.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada LADA kerana menerbitkan Laporan Tahunan 2020 ini dan semoga ianya memberi manfaat kepada pembacanya untuk mendapat maklumat lanjut berkaitan LADA, serta pelaksanaan aktiviti bagi kemakmuran Pulau Langkawi.

YAB Muhammad Sanusi Bin Md Nor
Pengerusi Bersama LADA
Merangkap Menteri Besar Kedah

PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA

YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah

Assalamualaikum wbt.
Salam Langkawi Permata Kedah

Alhamdullilah, setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan LADA 2020 berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua warga LADA yang menggembleng tenaga bagi memastikan prestasi pelancongan pulau ini terus dimartabat ketika mengharungi detik sukar sepanjang tahun 2020.

Setelah beberapa kali mengalami kejatuhan ekonomi, sekali lagi sektor pelancongan diuji dengan penularan pendemik COVID-19. Penularan wabak ini bukan sahaja melumpuhkan sektor pelancongan Langkawi tetapi menjejaskan kemakmuran penduduk Langkawi dan dunia. Jika kita lihat dari sejarah bukan sekali sektor pelancongan di Langkawi terjejas akibat pergolakan peristiwa di dunia seperti peristiwa tsunami di Aceh, Indonesia 2004, krisis mata wang pada tahun 2008 dan isu keselamatan penerbangan negara pada tahun 2014. Namun jauh di sudut hati saya amat yakin bahawa Langkawi akan terus gagah mengharungi detik getir ini dan akan kembali gemilang di persada dunia.

Keyakinan saya ini timbul kerana Langkawi ditadbir oleh LADA, sebuah agensi di bawah tanggugjawab Kementerian Kewangan Malaysia yang sentiasa berusaha memastikan kegemilangan industri pelancongan di Langkawi. Kita sedar bahawa penduduk Langkawi amat bergantung kepada sektor pelancongan sebagai sumber pendapatan utama. Oleh itu, saya meletakkan harapan dan kepercayaan yang tinggi bahawa LADA bersama Kerajaan Negeri Kedah akan terus berusaha memastikan masyarakat Langkawi dapat hidup aman makmur dan sentosa.

Saya ucapkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Kedah dan semua ahli Jemaah Pengarah LADA yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi kegunaan melaksanakan tanggungjawab sosial (CSR) LADA yang bertujuan membantu penduduk Langkawi menempuhi saat-saat sukar ini. Saya yakin dengan peruntukan ini sedikit sebanyak akan meringankan beban yang ditanggung oleh mereka. Dengan kewibawaan warga LADA saya yakin penyaluran bantuan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pihak-pihak yang memerlukan. Tidak berhenti dengan aktiviti CSR, LADA turut memberikan khidmat bantuan kepada komuniti setempat dengan melaksanakan 17 program komuniti dan 21 projek kecil komuniti sebagai sokongan kepada masyarakat setempat. Usaha murni ini telah disempurnakan dengan perbelanjaan sebanyak RM711,468.70 pada tahun 2020.

Saya dimaklumkan bahawa salah satu teras utama Pelan Hala Tuju Ekonomi Baharu (HELANG) ialah kepelbagaian ekonomi. Teras ini memberi tumpuan kepada peluang ekonomi berasaskan pertanian dan perikanan. Komuniti yang kehilangan pendapatan kesan daripada COVID-19 ini diberi latihan dan suntikan modal bagi melaksanakan aktiviti penanaman sayuran dan penternakan lobster air tawar. Antara program yang telah dijalankan ialah Program Pertanian Kontrak dengan penglibatan tujuh (7) peserta.

Program ini telah berjaya membuahkan hasil jualan berjumlah RM17,196.00 pada tuaian pertama. Selain itu, LADA telah memperuntukkan sebanyak RM60,000.00 sebagai modal permulaan bagi 30 orang peserta bagi Projek Ternakan Lobster Air Tawar.

Malah melalui pelan ini juga LADA melaksanakan inisiatif pengukuran fiskal bagi mengurangkan kesan COVID-19 kepada sektor swasta dengan pengecualian bayaran sewaan dan yuran pengurusan serta mencari peluang pelaburan baru bagi merancakkan semula ekonomi Langkawi. Tahniah kepada LADA.

Saya berharap penduduk Langkawi akan terus memberi sokongan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan mendaftar sebagai penerima vaksin. Ini penting bagi persediaan membuka semula Langkawi kepada pelancong dalam dan luar negara. Malah amalan norma baharu juga harus dibudayakan bagi mengembalikan keyakinan pelancong terhadap industri pelancongan di Langkawi.

Akhir kata, sekalung tahniah kepada warga LADA atas usaha yang dilaksanakan demi kemakmuran penduduk Langkawi di bawah pucuk pimpinan YAB Menteri Besar Kedah. Segala usaha yang dilaksanakan ini tidak akan membuahkan hasil tanpa sokongan dari semua pihak. Semoga Langkawi kembali gemilang di persada dunia.

YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah
Pengerusi Bersama LADA

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA

YBrs. Dr. Ahmad Hezri Bin Adnan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selama 30 tahun LADA telah menerajui pembangunan pelancongan di Langkawi, pelbagai perancangan pembangunan pelancongan di bawah Rancangan Malaysia oleh kerajaan persekutuan dan negeri telah berjaya dilaksanakan. Kini Pulau Langkawi terus gah berdiri sebagai salah satu destinasi pelancongan bertaraf dunia. Kegemilangan Langkawi telah berjaya membawa nama pulau ini ke seluruh pelusuk dunia sehingga Langkawi dinobatkan sebagai salah satu pulau pelancongan terbaik di dunia.

Namun begitu, penularan wabak COVID-19 di Malaysia memberi kesan langsung kepada industri pelancongan Langkawi yang mempunyai kebergantungan ekonomi melebihi 70 peratus dalam sektor pelancongan. Kesan penularan pandemik COVID-19 dapat dilihat seawal suku tahun pertama tahun 2020 dengan kehadiran pelancong telah merosot sebanyak 21.6% dengan kehadiran 785,214 pelancong berbanding 1,002,784 pelancong bagi tempoh yang sama pada tahun 2019. Keadaan bertambah serius apabila penutupan sempadan negara dari menjalani sebarang aktiviti ekonomi berasaskan pelancongan. Secara keseluruhan statistik mencatatkan 1,802,602 kemasukan pelancong iaitu pengurangan sebanyak 46% berbanding tahun sebelumnya (2019).

Melihat pada situasi ini, LADA telah melancarkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi atau lebih dikenali sebagai HELANG pada 31 Mei 2020. Objektif pelan ini adalah untuk memulihkan ekonomi Langkawi yang terjejas kesan daripada penularan wabak COVID-19 serta sekatan perjalanan dan sempadan. Pelaksanaan pelan ini adalah berdasarkan 3 teras utama yang didokong oleh 10 strategi dan 30 tindakan. Pelaksanaan pelan ini terbahagi kepada 3 kategori tempoh masa iaitu tindakan jangka pendek (quick-wins), jangka sederhana serta jangka panjang. Ia direalisasikan dengan libat urus daripada penggiat industri pelancongan Langkawi dan agensi yang berteraskan pelancongan.

Pelaksanaan HELANG ini telah memanfaatkan lebih dari 500 peserta dengan wujudnya peluang ekonomi baharu terutama dalam sektor pertanian dan juga sektor perikanan berskala kecil. Antara projek yang telah berjaya dilaksanakan seperti Projek Integrasi Pertanian Penanaman Cendawan Tiram di Ayer Hangat, Contract Farming LADA-Panorama Langkawi dan Projek Ternakan Lobster Air Tawar. Sektor ekonomi sekunder sama ada perikanan atau pertanian dilihat dapat meningkatkan aliran ekonomi dan melahirkan lebih ramai usahawan untuk menghasilkan produk hiliran lain. Di samping itu, usaha ini juga turut membantu komuniti Langkawi menjana pendapatan bagi menyara kehidupan dan mendepani cabaran dalam menangani kesukaran akibat penularan wabak ini.

Kejayaan yang dikecapi dari HELANG, adalah kejayaan semua pihak yang sentiasa memberi kepercayaan terhadap usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh LADA demi kesinambungan industri pelancongan di Langkawi. COVID-19 membuka mata kita bahawa bagi menjamin kelestarian ekonomi Langkawi, kebergantungan kepada sektor pelancongan ini harus seiring dengan sektor ekonomi sekunder yang menyokong industri pelancongan.

Selain itu, bagi mengembalikan aliran ekonomi, LADA memperkenalkan inisiatif promosi pelancongan berfokus di bawah HELANG. Langkawi Travel Mart dan Langkawi Great Sale yang telah dianjurkan di beberapa lokasi utama sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah membuahkan hasil dengan kejayaan penjualan pakej pelancongan bernilai RM508,500. Sekurang-kurangnya, inisiatif pakej pelancongan domestik ini dapat menjana pendapatan kepada komuniti Langkawi yang menghadapi tekanan ekonomi. Pencapaian ini membawa kepada peningkatan pelancong domestik pada bulan Disember 2020 dengan rekod kehadiran pelancong sebanyak 245,168 pelancong iaitu peningkatan sebanyak 334% berbanding bulan sebelumnya.

Saya berharap dengan usaha dan inisiatif yang telah dirangka dan dilaksanakan di bawah pelan HELANG ini dapat meningkatkan semula ekonomi Langkawi ke arah kesejahteraan komuniti setempat.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB. Haji

Muhamad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Kedah, YB. Dato' Haji Suhaimi bin Abdullah, Pengerusi Bersama LADA, Ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin masyarakat, agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang sentiasa memberi pandangan dan inspirasi kepada LADA dalam menerajui pulau ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja LADA yang sentiasa berdedikasi dan memberi komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. Ahmad Hezri Bin Adnan
Ketua Pegawai Eksekutif LADA

BAB 3

RINGKASAN EKSEKUTIF

- Bidang Keberhasilan Utama
- Petunjuk Prestasi Kewangan
- Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi

Bidang Keberhasilan Utama

Statistik Ketibaan Pelancong

1,802,602
pelancong

Statistik Ketibaan Penerbangan Tempahan Khas

54
penerbangan

Penyaluran Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

RM184,130.00

Pelaksanaan Program, Acara Dan Projek

i. Acara Pelancongan – **9** acara
ii. Program Pembangunan Komuniti – **17** program
iii. Projek Komuniti – **21** projek

Petunjuk Prestasi Kewangan

Pendapatan

RM113,506.406

Perbelanjaan

RM110,995.880

Pengeluaran Pesanan Kerajaan & Baucar Bayaran

Pesanan Kerajaan	Baucar Bayaran
716 unit	4771 unit

Nilai Pelaburan

RM1.714 Bilion

Nilai Aset

RM457,726.949

Pengiktirafan

Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Tahun 2020

Bagi tahun 2020, LADA telah menerima Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Tahun 2020. Pengauditan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG)

Pelan ini telah dilancarkan pada 31 Mei 2020 yang merangkumi tiga (3) teras utama iaitu Pelancongan Yang Selamat, Budaya Setempat dan Kelestarian serta Kepelbagaian Ekonomi. Pelaksanaan pelan ini disokong oleh 10 strategi dan 30 inisiatif.

Matlamat pelan ini adalah untuk memulihkan ekonomi Langkawi yang terjejas daripada penularan pandemik COVID-19. Usaha pelan ini telah memanfaatkan seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada komuniti Langkawi. Berikut adalah ringkasan pelaksanaan inisiatif di bawah HELANG pada tahun 2020.

Pelaksanaan Inisiatif – 11 inisiatif telah dilaksanakan

1. Projek Pertanian: Contract Farming LADA-Panorama Langkawi Sdn. Bhd. Farm
2. Projek Integrasi Pertanian di Air Hangat Village: Projek Komuniti Penanaman Cendawan
3. Insentif Bantuan Perniagaan Lobster Air Tawar (LAT)
4. Program Libat Urus Usahasama Perniagaan Bersama Tapawfood Services Sdn. Bhd.
5. Bantuan Projek Rock Melon
6. Insentif Bantuan Memulakan Perniagaan Jualan Buah-Buahan
7. Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan Produk
8. Kursus Aplikasi Teknologi Retort Produk Makanan
9. Program Uptraining & Reskilling
10. Bengkel Online Platform Aplikasi Shopee
11. Program School to Digital Bersama MDEC

BAB 4

STRUKTUR ORGANISASI



- Carta Organisasi
- Struktur Organisasi

Carta Organisasi LADA 2020

Ketua Pegawai Eksekutif
Dr. Ahmad Hezri bin Adnan
Gred Utama Turus III
(Lantikan Secara *Contract For Service*)
• *5 Jawatan*

Timbalan Ketua
Pegawai Eksekutif
Haji Zepri bin Saad
(Perancangan & Pembangunan)
Menjawat jawatan sehingga 21/09/2020
Jusa C
• *2 Jawatan*

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)
Haji Rohaizad bin Rashid
Jusa C
(Pegawai Peminjaman)
• *2 Jawatan*

Bahagian Perancangan
Mustafa Bakri bin Alias Sani
Pegawai Perancang Bandar & Desa J54
(Pegawai Peminjaman)
• *26 Jawatan*

Bahagian Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan
Norshuhaidy bin Shabudin
Pegawai Tadbir N54
(Pegawai Peminjaman)
• *125 Jawatan*

Unit Pemantauan & Pelaksanaan
Suhaimi bin Baharon
Pegawai Tadbir Gred N44
• *9 Jawatan*

Bahagian Pelancongan
Azmil Munif bin Mohd Bukhari
Pegawai Tadbir N52
• *57 Jawatan*

Bahagian Kejuruteraan Teknikal
Dr. Mohd Nor Rashidi bin Ab. Jalil
Jurutera J52
(Pegawai Peminjaman)
• *16 Jawatan*

Unit Undang-Undang
Saniah binti Ismail
Pegawai Undang-Undang L48
• *7 Jawatan*

Bahagian Pelaburan Dan Pemudahcara Perniagaan
Waffa Wahida binti Zainol
Pegawai Tadbir N48
• *8 Jawatan*

Bahagian Kewangan
Azryda binti Mohd Akib
Akauntan W52
(Pegawai Peminjaman)
• *24 Jawatan*

Unit Khidmat Korporat
Nordiana binti Nordin
Pegawai Tadbir N48
• *16 Jawatan*

Bahagian Teknologi Maklumat
Amal binti Ibrahim
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48
(Pegawai Peminjaman)
• *9 Jawatan*

Unit Audit Dalam
Intan Nor Asiah binti Md. Rejab
Juruaudit W41
• *6 Jawatan*

Bahagian Pengurusan Aset
Sharudin bin Hassan
Pegawai Tadbir Gred N48
• *52 Jawatan*

Unit Integriti
Nur Fairuz Shahirah binti Ab. Jelani
Pegawai Tadbir N41
• *4 Jawatan*

Struktur Organisasi



BAB 5

TADBIR URUS KORPORAT

- Pengurusan Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah
- Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah
- Pengurusan Anak Syarikat

Pengurusan Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah

Jemaah Pengarah LADA mempunyai bidang tugas untuk menimbang, memperaku dan meluluskan semua urusan pengurusan sumber manusia meliputi pengurusan modal insan, pengurusan prestasi dan perkhidmatan, pengurusan bakat serta pemberian kemudahan/ganjaran/elaun. Selain daripada itu, Jemaah Pengarah LADA juga bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik.

Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali secara suku tahunan pada tarikh seperti berikut:

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas	
		Kelulusan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 1 Tahun 2020 Tarikh :16 Mac 2020	9 kertas	2 kertas
2	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 2 Tahun 2020 Tarikh : 11 Mei 2020	5 kertas	1 kertas
3	Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 3 Tahun 2020 Tarikh : 3 September 2020	6 kertas	1 kertas
Jumlah		**20 Kertas**	**4 kertas**

Jawatankuasa Di Bawah Jemaah Pengarah

1. JAWATANKUASA PERKHIDMATAN

Bidang Tugas:

i. Menimbang, memperaku dan meluluskan semua urusan sumber manusia meliputi pengurusan modal insan, prestasi dan perkhidmatan, bakat serta pemberian kemudahan, ganjaran atau elaun; dan

ii. Bertindak dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik.

Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan LADA telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali pada tarikh seperti berikut:

Bil.	Butiran Mesyuarat	Kelulusan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2020 Tarikh : 26 Julai 2020	10 kertas	1 kertas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2020 Tarikh : 26 Oktober 2020	3 kertas	1 kertas
3	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2020 Tarikh : 7 Disember 2020	2 kertas	1 kertas
Jumlah		**15 Kertas**	**3 kertas**

2. JAWATANKUASA KEWANGAN

Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah LADA dan telah berjaya mengadakan mesyuarat tersebut sebanyak empat (4) kali dalam tahun 2020 sepertimana yang telah ditetapkan. Secara keseluruhan sebanyak tujuh (7) kertas kelulusan, sepuluh (10) kertas perakuan dan empat (4) kertas pemakluman telah dibentangkan dalam mesyuarat yang bersidang sepanjang Januari tahun 2020.

Berikut adalah ringkasan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang telah bersidang:

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas		
		Kelulusan	Perakuan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil. 1 Tahun 2020 Tarikh : 15 Mac 2020	3 kertas	1 kertas	1 kertas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil. 2 Tahun 2020 Tarikh : 16 Julai 2020	1 kertas	1 kertas	Tiada
3	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil. 3 Tahun 2020 Tarikh : 11 Oktober 2020	3 kertas	2 kertas	2 kertas
4	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan LADA Bil. 4 Tahun 2020 Tarikh : 18 Disember 2020	Tiada	6 kertas	1 kertas
Jumlah		**7 Kertas**	**10 kertas**	**4 kertas**

Bidang Tugas:

i. Meluluskan agihan bajet tahunan;
ii. Memantau prestasi kewangan;
iii. Meluluskan penetapan kadar sewaan terhadap aset yang merangkumi premis kediaman, ruang pejabat, ruang perniagaan, tanah dan aset-aset lain;
iv. Memperakukan mana-mana pekeliling berkuat kuasa bagi tujuan pindaan dan peraturan baru yang tiada dalam mana-mana arahan, pekeliling atau surat pekeliling;
v. Menilai dan memperaku permohonan pajakan bagi pelaburan baru di atas tanah milik LADA;
vi. Meluluskan perbelanjaan sumber dalaman sehingga RM200,000 bagi setiap permohonan menggunakan sumber dalaman dan tidak melebihi RM800,000 setahun;
vii. Meluluskan kos rawatan perubatan lanjut pegawai dan keluarga di hospital atau pusat pakar berjumlah melebihi RM20,000 menggunakan Peruntukan Mengurus; dan
viii. Meluluskan kos rawatan lanjut kakitangan dan keluarga di Institut Jantung Negara (IJN).

3. JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKAD) merupakan salah satu komponen kawalan dalaman agensi. Seiring dengan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, PS 3.2, JKAD LADA telah ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah, LADA pada 30 April 2000. Terma rujukan Mesyuarat JKAD LADA adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 dan juga merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus dan sistem kawalan dalaman. Ia juga berperanan memastikan tindakan pencegahan dan pembetulan diambil oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Kertas kerja yang dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKAD adalah berdasarkan pelaporan Unit Audit Dalam (UAD) LADA dan penemuan Jabatan Audit Negara serta pihak-pihak lain.

Bil.	Butiran Mesyuarat	Jumlah Pembentangan Kertas		
		Kelulusan	Perakuan	Pemakluman
1	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil. 1 Tahun 2020 Tarikh : 12 Februari 2020	-	-	2 kertas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil. 2 Tahun 2020 Tarikh : 18 November 2020	-	-	4 kertas
3	Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA Bil. 3 Tahun 2020 Tarikh : 11 Oktober 2020	1 kertas	-	-
Jumlah		**1 kertas**		**6 kertas**

Bidang Tugas:

i. Mengkaji keperluan dan piagam UAD serta keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman;
ii. Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Tahunan, laporan UAD dan audit luar serta memperakukan tindakan susulan kepada Lembaga Pengarah;
iii. Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung Penyata Kewangan, prestasi aktiviti UAD dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
iv. Mengesan, menyiasat dan melapor penyelewengan dan ketidakpatuhan peraturan serta tatakelakuan kakitangan atau sebarang pertikaian dalam organisasi;
v. Memastikan LADA mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan;
vi. Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjelaskan pelaksanaan pengauditan dan UAD diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya; dan
vii. Melaksanakan fungsi-fungsi lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

Pengurusan Anak Syarikat

LADA telah menubuhkan beberapa anak syarikat serta terlibat dalam pengurusan syarikat bersekutu di Langkawi yang bertujuan menguruskan aset-aset strategik dan komersial miliknya. Berikut merupakan senarai anak syarikat, syarikat bersekutu dan juga syarikat yang dilantik bagi menguruskan aset-aset LADA:

Bil	Nama Syarikat	Kategori	Perkhidmatan Teras
1	Panorama Langkawi Sdn. Bhd.	Milik Penuh	Pelancongan dan Perkhidmatan
2	LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd.	Milik Penuh	Pelancongan dan Hospitaliti
3	International Eagle Resources Sdn. Bhd.	Milik Penuh	Perkhidmatan Pembangunan Perladangan dan Hartanah
4	Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd.	Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu	Reka Bentuk, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah
5	Garuda Suci Sdn. Bhd. (GSSB)	Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu	Reka Bentuk, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah
6	Royal Langkawi Yacht Club (RLYC)	Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu	Industri Bot
7	Telaga Harbour Sdn. Bhd.	Pengurusan Aset LADA	Pengurusan dan Operator Pelabuhan
8	Elegant Services Sdn. Bhd. (ESSB)	Pelaburan Lain	Pengurusan Kompleks Jeti
9	Langkawi Port Sdn. Bhd.	Syarikat Bersekutu	Pengurusan dan Operator Pelabuhan

Berikut adalah gerak kerja yang telah dilaksanakan bagi memantau pengurusan syarikat-syarikat tersebut:

i. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) LADA dan anak syarikat serta syarikat bersekutu;
ii. Pelaporan prestasi anak syarikat dan syarikat bersekutu;
iii. Pelaporan Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat bersekutu;
iv. Lawatan penanda aras pengurusan produk pelancongan; dan
v. Kursus kewangan melibatkan anak syarikat dan syarikat bersekutu.

Syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhannya menunjukkan prestasi yang baik dan menghasilkan pulangan kepada LADA dan kerajaan. Penubuhan anak-anak syarikat LADA juga telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Selain itu, bantuan juga disalurkan kepada komuniti melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Agihan keuntungan oleh anak-anak syarikat juga telah digunakan dalam pelaksanaan pelbagai program dan projek komuniti tanpa mengabaikan pembangunan sektor pelancongan di Langkawi.

BAB 6

PENGURUSAN OPERASI DAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Pengurusan Sumber Manusia Dan Khidmat Pengurusan
- Pengurusan Aset Dan Fasiliti
- Teknologi Maklumat Peneraju Transformasi Digital
- Litigasi Dan Perundangan
- Pengurusan Audit
- Prestasi Kewangan

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

A. PERJAWATAN

Jumlah kakitangan Lembaga Pembangunan Langkawi adalah seramai 340 orang. Sebanyak 288 jawatan adalah bertaraf tetap manakala 52 jawatan adalah bertaraf kontrak. Namun begitu, terdapat sebanyak 27 jawatan bertaraf tetap daripada pelbagai gred yang masih belum diisi.

Maklumat perjawatan sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

i. Tetap dan Pinjaman

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1	Pengurusan Tertinggi	3	1	2
2	Pengurusan dan Profesional	63	53	10
3	Kumpulan Pelaksana 1 (Gred 19-40)	167	160	7
4	Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1-14)	80	74	6
5	Perkhidmatan Am (Jawatan Kumpulan)	2	0	2
	Jumlah	**315**	**288**	**27**

Jadual 1: Ringkasan Maklumat Perjawatan Tahun 2020

ii. Pengisian Secara Pembelian Perkhidmatan (Contract for Service)

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Bil. Kakitangan
1	Pengurusan Tertinggi	1
2	Pengurusan dan Profesional	1
3	Kumpulan Pelaksana 1 (Gred 19-40)	26
4	Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1-14)	24
	Jumlah	**52**

Jadual 2: Ringkasan Pengisian Secara Pembelian Perkhidmatan Tahun 2020

Jemaah Pengarah dan Pengurusan LADA memberi keutamaan kepada komuniti Langkawi bagi pengisian jawatan di agensi ini. Ini adalah selaras dengan fungsi LADA sepertimana Akta 423 dengan memberi keutamaan kepada sektor sosioekonomi dalam usaha memakmurkan Langkawi dan menyejahterakan komuniti setempat. Pecahan perjawatan bagi pegawai dan kakitangan LADA adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tetap	Kontrak	Sambilan	Jumlah
1	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Daerah Langkawi	115	33	2	150
2	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Negeri Kedah	101	6	0	107
3	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Negeri-negeri Lain	72	13	1	86
	JUMLAH	**288**	**52**	**3**	**343**

Jadual 3: Maklumat Perjawatan Berdasarkan Negeri Kelahiran Tahun 2020

B. PENGURUSAN PRESTASI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

i. Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan secara strategik dan berterusan merupakan agenda utama dalam merealisasikan kejayaan sesebuah organisasi. Memandangkan LADA turut menitikberatkan pembangunan modal insan secara berterusan, maka tindakan berkesan akan meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti, inovasi serta memupuk minda kelas pertama dalam kalangan warga organisasi. Hasilnya mereka dapat menyampaikan perkhidmatan yang terbaik melalui amalan terbaik *(best practices)* dan tadbir urus terbaik *(excellent governance)* dalam pengurusan organisasi. Malah, LADA turut memberi fokus terhadap pengurusan strategik sumber manusia melalui pelbagai inisiatif dan kaedah yang bersesuaian.

ii. Pembangunan Kompetensi

LADA giat merangka dan melaksanakan pembangunan kompetensi yang bersesuaian bagi memastikan kekompetenan warga kerja serta tadbir urus pengurusan organisasi sentiasa berada di tahap yang terbaik. Justeru, penyampaian perkhidmatan warga kerja amat penting bagi memastikan LADA kekal relevan untuk mencapai misi dan visinya. Sementara itu, pembangunan kompetensi merupakan elemen penting bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan yang mempunyai pemikiran dan sikap yang progresif. Malah, pelbagai inisiatif turut dirancang bagi memastikan setiap warga kerja adalah berkompetensi tinggi melalui pelbagai program pembangunan.

Sepanjang tahun 2020, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) telah mengatur dan menganjurkan sebanyak 104 program pembangunan kompetensi kepada pegawai dan kakitangan LADA. Perincian maklumat kursus yang dilaksanakan adalah seperti berikut:



Rajah 1: Ringkasan Pelaksanaan Program Pembangunan Kompetensi Tahun 2020

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan kompetensi ini telah membawa kepada keputusan positif bagi syarat minimum empat (4) hari berkursus setahun sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam sasaran pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 LADA.

Pegawai dan kakitangan dapat memperkasa dan meningkatkan tahap kompetensi dengan menghadiri kursus-kursus yang bersifat generik atau teknikal yang mana ilmu dan kepakaran tersebut adalah relevan untuk diaplikasikan dengan fungsi bahagian dan unit di LADA. Oleh itu, pegawai dan kakitangan dilihat lebih kompeten dan berdaya saing selaras dengan hala tuju strategik LADA. Berdasarkan rekod kehadiran berkursus, pegawai dan kakitangan yang telah hadir berkursus adalah seramai 340 orang. Rajah di bawah menerangkan statistik kehadiran berkursus pegawai dan kakitangan LADA bagi tahun 2020:



Rajah 2: Statistik Kehadiran Berkursus Pegawai dan Kakitangan LADA Tahun 2020

Selaras dengan era globalisasi, penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan warga LADA amat penting bagi memastikan agensi ini dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. BSMKP telah mengadakan program *English Week* pada 8-10 Disember 2020. Program ini melibatkan beberapa pertandingan seperti *Spell It Right, Spot The Hidden, Boggle* dan *Online Quiz*. Program ini dilaksanakan secara atas talian bagi mematuhi SOP COVID-19.

C. HRMIS PEMANGKIN SUMBER MANUSIA

i. Laporan Sistem ASSIST (KPI HRMIS 2020)

PERJAWATAN	DATA BERINTEGRITI	LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN
Perjawatan	Peratus Data Berintegriti	Peratus LNPT
315	100 %	100%

SASARAN KERJA TAHUNAN	PENGISYTIHARAN HARTA	PERJAWATAN
Peratus Pegisian SKT	Peratus Perisytiharan Harta Diambil Maklum	Peratus Pengisian Perjawatan
100%	100%	100%

Sehingga Disember 2020, LADA telah mencapai KPI yang cemerlang berdasarkan paparan Sistem ASSIST. KPI ini akan diterjemahkan kepada pencapaian Kementerian Kewangan secara keseluruhan.

ii. Aktiviti LADA berkaitan HRMIS

Pertandingan Merekacipta Video Sempena Sambutan Bulan HRMIS 2020.

LADA telah dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua Pertandingan Merekacipta Video sempena Sambutan Bulan HRMIS 2020 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam. Video yang telah dipilih merupakan hasil garapan dan kreativiti yang dicetuskan oleh beberapa pegawai di LADA mewakili BSMKP, Bahagian Pelancongan dan UKK. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan sendiri oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) semasa Majlis Penutup Sambutan Bulan HRMIS 2020 pada 22 September 2020 di Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Hadir menerima hadiah tersebut adalah Encik Ikhwan bin Mohd Said (BSMKP), Puan Zalina binti Matt Saman (Bahagian Pelancongan) dan Puan Norazlina binti Md Zin (UKK).

Pertandingan Merekacipta Video Sempena Sambulan Bulan HRMIS 2020

D. SISTEM H.E.A.T (SISTEM PENGGUNAAN KOS RAWATAN PERUBATAN)

LADA telah mewujudkan sistem H.E.A.T sejak tahun 2015 untuk Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan merekod penggunaan kos rawatan perubatan di 10 Klinik Panel dan dua (2) Hospital Pakar yang diluluskan oleh Pengurusan LADA seperti berikut:

Bil.	Klinik Panel dan Hospital Pakar
1	Kedah Medical Centre (KMC)
2	Putra Medical Centre (PMC)
3	Chenang Clinic Medical and Surgery
4	Dr. Boo Clinic & Surgery
5	Klinik Dr Naga
6	Klinik ICare
7	Klinik Lisa & Zaidy Consultation
8	Klinik Pergigian Rosila
9	Klinik Ummi
10	Poliklinik Perdana Langkawi
11	Klinik Pergigian Chew
12	Klinik Pergigian Chong

Jadual 4: Senarai Klinik Panel Dan Hospital Pakar

LADA telah memperuntukan RM3,500.00 setahun bagi setiap warga LADA lantikan tetap termasuk suami/isteri, anak-anak, ibu bapa serta RM3,000.00 setahun bagi lantikan kontrak termasuk suami/isteri dan anak-anak.

Melalui sistem H.E.A.T, pegawai boleh memantau penggunaan kemudahan perubatan masing-masing. BSMKP juga akan membuat teguran serta tuntutan bayaran balik bagi penggunaan kemudahan yang melebihi had. Berikut adalah jadual pemantauan perbelanjaan pegawai:

Bil	Kategori	Bilangan	Amaun lebihan (tertinggi)
1.	Pegawai (P&P)	5	RM2,577.50
2.	Pelaksana	30	RM641.00

Jadual 5: Pemantauan Perbelanjaan Pegawai

BSMKP sentiasa memantau jumlah penggunaan mengikut kelayakan bulanan. Sekiranya penggunaan telah melebihi jumlah kelayakan bulanan, peringatan akan dikeluarkan supaya pegawai dan kakitangan mengambil tindakan membuat bayaran balik.

E. ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN

Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan merupakan inisiatif untuk mengiktiraf warga LADA. Melalui anugerah ini, setiap bahagian dan unit boleh menonjolkan pegawai dan kakitangan masing-masing yang memiliki keterampilan dan ciri-ciri terbaik yang boleh diteladani. Di samping itu, ia boleh menyuntik inspirasi dan merangsang semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam kalangan pekerja. Anugerah ini memberi nilai tambah kepada penilaian individu, iaitu sebagai merit bagi pertimbangan APC tahunan.

Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan Ogos 2020

F. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 LADA

Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 dilaksanakan berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 – Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang mana semua penerima menerima insentif seperti rajah di bawah:

APC 2019
Kumpulan Pengurusan dan Profesional 5 orang
Kumpulan Pelaksana 23 orang

LADA telah melaksanakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LADA Tahun 2019 secara sederhana dan mematuhi arahan semasa serta SOP PKPB yang berkuatkuasa. Majlis diadakan pada 24 Jun 2020 bertempat di Dewan Besar, LADA. Seramai 28 orang kakitangan LADA dari pelbagai gred telah dipilih sebagai penerima APC 2019. Penyampaian APC 2019 telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.

Khidmat Pengurusan

A. SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

LADA telah memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2015 pada 5 September 2020. Seterusnya LADA berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2015 pada 5 September 2021 tanpa sebarang laporan ketakakuran (NCR). Tempoh pensijilan ini adalah selama tiga (3) tahun. Pensijilan ini meliputi enam (6) skop perkhidmatan iaitu Pengurusan Acara Pelancongan, Pengurusan Promosi Pelancongan, Pengurusan Pembangunan Projek Fizikal, Pengurusan Pelaburan Komersial, Pengurusan Sewa dan Pengurusan Pensijilan Semula Langkawi UNESCO Global Geopark. Audit Pemantauan yang dilaksanakan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. adalah untuk memastikan pematuhan kepada proses kerja dan prosedur yang telah berkuat kuasa.

B. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) COVID-19

Dalam usaha untuk membendung penularan COVID-19, BSMKP telah mewujudkan garis panduan di bawah Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) – Pengurusan Pejabat Sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan. Garis panduan ini merangkumi prosedur daftar masuk dan keluar pejabat, prosedur pengurusan mesyuarat, prosedur semasa bertugas serta tatacara penggunaan ruang pengurusan guna sama di pejabat. Garis panduan ini penting untuk memastikan pengoperasian pejabat di LADA dilaksanakan mengikut arahan kerajaan serta memastikan keselamatan warga LADA terjamin.

C. PENGURUSAN PEROLEHAN

LADA menguruskan perolehan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan berpandukan prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, pengurusan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta keadilan dan kesaksamaan. Proses perolehan adalah merujuk kepada peraturan Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA dari masa ke masa. Jumlah perolehan bagi tahun 2020 adalah sebanyak **RM18,538,421.13** mengikut perincian perolehan yang dilaksanakan seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan	Nilai (RM)
Tender	-	-
Sebut Harga	65	15,434,335.78
Rundingan Terus (PK7)	54	736,980.64
Pelantikan Perunding	1	445,674.88
Kerja Requisition (Undian)	9	362,331.20
Pembelian Terus	478	785,950.55
Lantikan Terus (Penggiliran)	39	716,348.08
Kontrak Pusat/Sistem Panel	3	56,800.00

Jadual 1: Perincian Perolehan Tahun 2020

D. KESELAMATAN DAN PENGURUSAN LOGISTIK JABATAN

LADA mempunyai 55 orang anggota Polis Bantuan di Unit Keselamatan yang membuat kawalan keselamatan ke atas aset-aset seperti rumah sewa, gerai, taman rekreasi, kenderaan rasmi dan tanah-tanah milik agensi di enam (6) lokasi yang digabungkan seperti berikut:

Bil.	Lokasi
1	Kompleks LADA
2	Kompleks Sukan Langkawi
3	Taman Legenda/Dataran Lang
4	*Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC)*/Laman Padi
5	Taman Nilam/*Geopark Discovery Centre (GDC)*
6	Taman Medan Berjaya

Jadual 2: Senarai Lokasi Kawalan Keselamatan Aset LADA

Unit Logistik merupakan unit yang menguruskan 41 kenderaan rasmi LADA. Seramai 11 orang pemandu dan enam (6) orang Pembantu Laut ditugaskan untuk mengendalikan pengurusan kenderaan rasmi LADA. Kenderaan-kenderaan ini digunakan untuk membawa pegawai bagi melaksanakan tugas rasmi seperti menghadiri mesyuarat dan lawatan tapak projek serta untuk penggunaan dalam acara-acara anjuran LADA.

Selain itu, LADA juga mendapat permohonan penggunaan kenderaan dari agensi-agensi luar bagi menghadiri program di Langkawi dengan mengguna pakai AKPE Bilangan 4 Tahun 2019 – Penggunaan Kenderaan Rasmi Lembaga Pembangunan Langkawi Oleh Agensi Luar.

Isu dan Cabaran

BSMKP menghadapi beberapa isu dan cabaran yang melibatkan operasi dan perkhidmatan di LADA sepanjang tahun 2020.

Bahagian ini terlibat secara langsung dalam memastikan pengoperasian pejabat sejajar dengan garis panduan yang telah dikeluarkan bagi menangani penularan COVID-19 yang meliputi penggunaan ruang guna sama di seluruh kompleks LADA.

Bagi memastikan pegawai LADA dapat memupuk kemahiran secara berterusan, BSMKP telah memaksimumkan penggunaan media baharu bagi pengendalian kursus secara atas talian. Cabaran utama yang dihadapi adalah dalam menilai keberkesanan pelaksanaan kursus dan latihan. Ini kerana beberapa kursus strategik yang telah dijadualkan seperti *Executive Development Program (EDP)* tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh sekatan perjalanan ke luar negara.

Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu lagi cabaran yang besar yang perlu dihadapi oleh pihak pengurusan LADA. Integriti pegawai serta pematuhan tatacara kelakuan sepanjang tempoh BDR merupakan isu utama yang dititik beratkan dalam memastikan tugasan dapat dilaksanakan secara optimum. Selain itu, kekangan dari segi ketersediaan peranti seperti komputer dan kemudahcapaian dokumen perlu dihadapi oleh pegawai.

Pelaksanaan proses perolehan juga tidak berjalan sebagaimana yang dirancang disebabkan oleh penguatkuasaan SOP yang melarang mesyuarat daripada dilaksanakan secara bersemuka dalam usaha mengurangkan penyebaran virus COVID-19. Antara perolehan yang terpaksa di tangguh ialah urusan tender.

Pengisian jawatan kosong bagi tahun 2020 juga tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang bagi mematuhi SOP yang berkuat kuasa.

PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

PENGURUSAN PERUMAHAN

LADA memiliki 789 unit rumah sewa di enam (6) taman perumahan di Langkawi yang meliputi:

i. **Taman Kenari;**
ii. **Taman Seri Berlian;**
iii. **Taman Desa Permata;**
iv. **Taman Nilam;**
v. **CHOGM Villa; dan**
vi. **Taman Medan Berjaya.**

Kesemua unit tersebut diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Aset (BPA). Sepanjang tahun 2020, sebanyak 560 unit telah disewakan (71%), manakala 291 unit (29%) tidak dapat disewakan kerana kerja-kerja penyelenggaraan sedang dilaksanakan. Selain itu, perkara ini turut dipengaruhi oleh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan bagi menangani pandemik COVID-19.

Lokasi	Jenis	Kadar Sewa Semasa	Jumlah	Sewa	Penyewa			Rumah Kosong	Kategori Rumah Kosong		
					Jabatan Kerajaan	Kakitangan	Swasta		Perlu Pembaikan	Dalam Pembaikan	Kosong & Sedia
Taman Kenari	AFT 3 Bilik (Milik LADA)	LADA: RM120 Kerajaan: RM250 Swasta: RM400	300	147	99	14	34	153	144	0	9
Taman Seri Berlian	APT 3 Bilik	LADA: RM60 Kerajaan: RM200	84	57	29	28	0	27	17	10	0
	Teres 2 Tingkat	Kerajaan: RM110	2	1	0	1	0	1	0	1	0
Taman Desa Permata	APT 3 Bilik	LADA: RM60 Kerajaan: RM200	276	249	109	140	0	26	16	0	10
Taman Nilam	Teres 1 Tingkat	LADA: RM150 Kerajaan: RM300	90	75	39	36	0	15	7	1	7
	Rumah Sewa Berperabot	LADA: RM250	5	2	0	2	0	3	0	0	3
CHOGM Villa	Town House 1 Tingkat	LADA: RM220 Anak Syarikat: RM300	5	4	0	4	0	1	0	0	1
	Town House 2 Tingkat	LADA: RM270	4	2	0	2	0	2	0	0	2
Taman Medan Berjaya	Teres 1 Tingkat	LADA: RM60	13	13	0	13	0	0	0	0	0
	Teres 2 Tingkat	LADA: RM200	9	9	0	9	0	0	0	0	0
	Banglo 2 Tingkat	LADA: RM335	1	1	0	1	0	0	0	0	0
			789	**560**	**276**	**250**	**34**	**228**	**184**	**12**	**32**

Jadual 1: Status Penyewaan Rumah Di Taman Perumahan LADA Sepanjang Tahun 2020

Pada tahun 2020, BPA telah melaksanakan dua (2) inisiatif bagi menyelesaikan isu kutipan hasil perumahan LADA. Berikut adalah inisiatif yang telah dilaksanakan:

1. Kaunter Khas Sewa Beli

BPA telah menjalankan Program Kaunter Khas Sewa Beli Rumah Penduduk Melayu Islam Kedah (MIK), Jenis C, Taman Nilam (Siri 1/2020). Program ini telah dilaksanakan pada 30 September 2020 di No. 656, Rumah Tamu LADA, Taman Nilam, Langkawi. Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk mengutip tunggakan hasil sewa beli perumahan Taman Nilam. Konsep kaunter bergerak yang dilaksanakan di taman perumahan ini memudahkan pembeli membuat bayaran kepada LADA. Sebanyak RM19,900.00 telah berjaya dikutip melalui pelaksanaan program ini.

Kaunter Khas Sewa Beli yang beroperasi di Taman Nilam, Langkawi.

2. Ops Pemutihan

BPA turut melaksanakan Ops Pemutihan untuk mengutip tunggakan sewaan, mencegah sewaan kepada pihak ketiga *(sublet)* dan memantau aktiviti pemeliharaan binatang. Ia merupakan medium bagi BPA untuk memantau ketidakakuran perjanjian sewaan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ia telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Siri 1/2020 – Taman Sri Berlian (13 Mac 2020); dan
ii. Siri 2/2020 – Taman Nilam (13 Mac 2020)

Petugas sedang menyampaikan notis kepada penyewa dalam Ops Pemutihan yang dilaksanakan.

PENGURUSAN ASET ALIH

Sepanjang tahun 2020, BPA telah melaksanakan sebanyak empat (4) proses pelupusan. Berikut adalah senarai pelupusan yang telah dilaksanakan:

BIL	ASET ALIH YANG DILUPUSKAN				AGENSI PENERIMA
	JENIS	BILANGAN	KAEDAH	TARIKH	
1	Komputer	158	e-waste	03.11.2020	-
2	Motosikal	2	Pelupusan	25.11.2020	-
3	Kereta	1			
4	Enjin bot	1			
5	Kerusi pejabat	14	Serahan	01.12.2020	Sekolah Menengah Agama Al-Baqiyatussolihat Surau Al-Ghufran Taman Nilam B
6	Tilam	5			
7	Kerusi pejabat	6			
8	Almari	4			Pertubuhan Sukarelawan Sosial dan Dakwah Langkawi
9	Tilam	5			
10	Katil	5			
11	Kerusi pejabat	5			
12	Perabot pejabat	309	Musnah	14.12.2020	-
13	Perabot rumah tamu	109		24.12.2020	

Jadual 2: Senarai Pelupusan Tahun 2020

Pelupusan Secara *e-waste* Di Tapak Parkir Awam, LADA

Pelupusan Perabot Pejabat Di Stor Pelupusan, Kompleks Sukan Langkawi

PENGURUSAN PRODUK KOMERSIAL DAN FASILITI

Aset-aset lain ini terdiri daripada fasiliti awam dan diuruskan sepenuhnya oleh LADA dari segi penyelenggaraan, penawaran dan penyewaan kepada pihak yang berhasrat untuk menggunakan fasiliti awam ini. Senarai fasiliti awam adalah seperti berikut:

1 Kompleks LADA

2 Dataran Lang

3 Taman Lagenda

4 Jeti Pelancongan Kuah

5 Jeti Teluk Bujur

6 Dewan MIEC

7 Kuala Sungai Melaka (A)

8 Rumah Kabinet Gunung Raya

9 Lot Kedai Damansara Perdana Business Centre

10 Premis Perniagaan Jeti Kilim

11 Kompleks Sukan Langkawi

Kesemua fasiliti awam ini merupakan aset yang sentiasa digunakan bagi acara dan program dalaman LADA. Fasiliti ini juga disewakan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi penganjuran program atau acara di Langkawi.

Sepanjang tahun 2020, kebanyakan aktiviti atau acara pada peringkat antarabangsa tidak dapat dilaksanakan memandangkan penularan wabak COVID-19. Kebanyakan acara yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020 adalah secara dalaman. Aktiviti-aktiviti yang diadakan di fasiliti awam milik LADA adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	ACARA	BULAN
1	DEWAN BESAR	Perhimpunan Bulanan	Januari
		Kelas Al-Quran	
		Lawatan USM	Februari
		Majlis Amanat Pengerusi Bersama Warga LADA	
		Majlis Perasmian Liga Bola Sepak Langkawi 2020 Piala LADA	Mac
		Perhimpunan Bulanan	Januari
		Kelas Al-Quran	
		Lawatan USM	Februari
		Bengkel Audit Dalam	Julai
		A-KAWI	Ogos
		Kursus Mandarin	September
		Bengkel Pengurusan Keselamatan Pekerjaan	Oktober
		Penyerahan Kit Hidroponik Pertanian Bandar	November
		Majlis Persaraan	Disember
2	DATARAN LANG	Le Tour De Langkawi	Februari
		Sambutan Tahun Baru Cina	Februari

Jadual 3: Senarai Aktiviti Di Fasiliti Awam Milik LADA Tahun 2020

PENYELENGGARAAN ASET

Sebanyak 53 projek penyelenggaraan telah ditawarkan pada tahun 2020. Berikut adalah pecahan projek penyelenggaraan yang telah dilaksanakan.

BIL.	MAJOR	BILANGAN PROJEK/KERJA	NILAI (RM)
1	Projek sebut harga berkaitan kerja awam	15	5,379,380.00
2	Projek sebut harga berkaitan kerja mekanikal dan elektrik	5	543,491.40
3	Kerja pembaikan lantikan kontraktor mengikut giliran (bernilai RM20,000 dan ke bawah)	38	698,488.24
4	Kerja pembaikan lantikan kontraktor secara undian (bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000)	8	332,375.70
Jumlah (Tahun 2020)		**53**	**6,953,735.34**
Jumlah (Tahun 2019)		**62**	**4,290,849.08**
Jumlah (Tahun 2018)		**40**	**3,392,593.77**

Jadual 4: Pecahan Projek Penyelenggaraan

Laporan Bergambar Kerja-Kerja Penyelenggaraan

i) Penyelenggaraan Dalaman

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksankan secara dalaman.

ii) Penyelenggaraan Oleh Pihak Kontraktor

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor

ISU DAN CABARAN

Penularan pandemik COVID-19 memberi impak secara langsung kepada kutipan hasil LADA. Mata pencarian penyewa dan pemilik premis yang terjejas telah menyukarkan mereka untuk membayar sewa bulanan. Penutupan Kompleks Sukan Langkawi (KSL) bagi mematuhi arahan PKP (18 Mac - 3 Mei 2020) dan PKPB (4 Mei - 9 Jun 2020) turut menjejaskan kutipan hasil LADA. Berdasarkan SOP, tempahan fasiliti dan jenis sukan yang dibenarkan juga adalah terhad, justeru tidak semua fasiliti di KSL dapat beroperasi sepenuhnya.

TEKNOLOGI MAKLUMAT PENERAJU TRANSFORMASI DIGITAL

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar berikutan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dan pematuhan pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 telah mengubah kaedah pengoperasian LADA.

Dalam keadaan ini, BTM berperanan menyediakan infrastruktur komunikasi dan teknologi maklumat bagi memastikan perkhidmatan LADA tidak terjejas. Tanggungjawab utama BTM adalah menguruskan infrastruktur ICT di LADA dengan membangunkan dan menyelenggara sistem-sistem dalaman, menyelenggara peralatan dan infrastruktur ICT serta menguruskan rangkaian LADA.

Beberapa projek utama telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 untuk menggerakkan pembangunan ICT di landasannya secara berterusan. Antaranya adalah pembangunan Sistem JomHadir dan Perkhidmatan MySMS serta penambahbaikan kelengkapan infrastruktur ICT LADA.

A. Sistem JomHadir

BTM telah membangunkan satu sistem bagi merekodkan kehadiran kakitangan di Kompleks LADA melalui Sistem JomHadir sebelum Sistem MySejahtera dikuatkuasakan. Sistem ini menjana kod QR setiap kakitangan LADA yang perlu diimbas bagi merekodkan kehadiran, suhu serta mengesahkan status kesihatan. Pihak pengurusan LADA dapat memantau kehadiran harian dan tahap kesihatan setiap kakitangan melalui sistem ini. Selain kakitangan LADA, sistem ini turut dipanjangkan penggunaannya kepada semua pelanggan LADA bagi merekod kehadiran di Kompleks LADA, Kompleks Sukan Langkawi, Taman Legenda dan Laman Padi.

B. Aplikasi Perkhidmatan MySMS

LADA mula melaksanakan pemakluman peringatan tunggakan sewaan aset milik LADA melalui sistem MySMS 15888 pada Jun 2020. Senarai tunggakan akan dijana melalui sistem Tenancy LADA. Seterusnya ia akan dimasukkan ke dalam sistem untuk penjanaan SMS secara pukal kepada penyewa mengikut tarikh yang ditetapkan. Penggunaan sistem ini dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan LADA kepada pelanggan serta membantu meningkatkan hasil kutipan LADA.

C. Penaiktarafan Infrastruktur ICT

BTM telah mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan sistem rangkaian LADA melalui pemasangan lima (5) unit *security appliance* yang mempunyai ciri-ciri *Virtual Private Network (VPN), Identity Awareness, Intrusion Prevention System, Application Control* dan *URL Filtering* di Kompleks LADA, Kompleks Sukan Langkawi dan Geopark Discovery Centre (GDC). Peralatan ini bertindak sebagai benteng pertahanan daripada sebarang serangan siber sama ada dari dalam atau luar rangkaian. Selain itu, pemasangan peralatan ini juga membolehkan semua sistem dalaman LADA diakses di ketiga-tiga lokasi berkenaan.

D. Fasiliti Sidang Video LADA

Pihak kerajaan telah menggariskan SOP pengendalian mesyuarat semasa PKP yang menghadkan pelaksanaan aktiviti tersebut secara bersemuka. Justeru, bagi memastikan kesinambungan operasi LADA, BTM telah menaik taraf bilik mesyuarat Bahagian Pelancongan dengan melengkapkan peralatan sidang video dan perisian. Bilik-bilik mesyuarat lain turut dipasang televisyen, komputer baru dan kamera web bagi menggantikan peralatan lama selaras dengan keperluan sidang video sepanjang penularan wabak COVID-19 ini.

E. Pelaksanaan Jawatankuasa Pemandu ICT LADA

Setiap agensi bertanggungjawab menubuh dan melaksanakan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di peringkat agensi masing-masing. Justeru, JPICT LADA ditubuhkan untuk menetapkan arah tuju dan strategi pelaksanaan ICT LADA.

JPICT LADA dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat/*Chief Information Officer (CIO)* LADA iaitu Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA. Jawatankuasa ini bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun bagi membincangkan isu-isu ICT dan mempertimbangkan kelulusan projek teknikal ICT LADA. Peranan-peranan JPICT LADA adalah seperti berikut:

i. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju dan strategi ICT LADA;
ii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program atau projek ICT LADA supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT LADA;
iii. Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT di LADA dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;
iv. Mempromosi dan melaksanakan perkongsian pintar ICT di LADA;
v. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT; dan
vi. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT LADA serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT.

ISU DAN CABARAN

Penularan wabak COVID-19 sangat memberi impak terhadap pengoperasian LADA terutama sejak bermulanya PKP pada 18 Mac 2020. Teknologi ICT memainkan peranan besar dalam membantu peralihan medium komunikasi daripada secara bersemuka kepada medium komunikasi atas talian. Pelbagai cabaran dan kekangan perlu dihadapi oleh pihak BTM dalam memberi tunjuk ajar dan menyediakan fasiliti kepada warga LADA seperti perisian mesyuarat dan peralatan sidang video yang sangat terhad. Walaupun pada awalnya kesemua ini dilihat sangat sukar untuk dilaksanakan, semua warga LADA dapat menerima norma baharu ini dan beransur mahir dalam menggunakan kemudahan ICT untuk berkomunikasi bagi urusan kerja. Secara tidak langsung, pengoperasian LADA tidak terjejas, justeru memastikan agensi ini dapat terus membantu Langkawi berdepan dengan isu pandemik COVID-19.

LITIGASI DAN PERUNDANGAN

PENGENDALIAN KES PERUNDANGAN

Unit Undang-undang LADA sentiasa mencari pendekatan dan giat dalam usaha memberi revolusi baharu di dalam menyampaikan khidmat perundangan di LADA. Impak pandemik telah memberi cabaran baru yang semakin dinamik dan menuntut dedikasi dan komitmen yang tinggi oleh warga kerja unit ini khususnya dalam memastikan 5 fungsi teras unit tercapai seterusnya merealisasikan visi dan misi LADA. Usaha LADA dalam memberikan impak pertumbuhan dan pembangunan hartanah di Pulau Langkawi seperti tindakan pengambilan tanah bagi tujuan kemudahan dan kepentingan penduduk awam menyebabkan LADA turut berhadapan dengan pelbagai isu-isu perundangan yang berkompleksiti tinggi dan rumit. Walaupun begitu, komitmen dan dedikasi yang tinggi dari warga kerja Unit Undang-undang dan bahagian/unit berkaitan LADA yang berterusan sentiasa membantu dalam menuntut hak-hak dan kepentingan LADA supaya dilindungi dan terpelihara membuahkan hasil. Ini terbukti dengan kejayaan-kejayaan LADA setelah berjaya menyelesaikan kes-kes perundangan berprofil tinggi.

Tindakan pengambilan tanah bagi tujuan kemudahan awam merupakan salah satu isu yang dikendalikan. Antara pencapaian unit ini pada tahun 2020 dapat dilihat melalui pengendalian sebuah kes di mahkamah yang melibatkan satu tuntutan saman. Kes ini melibatkan tuntutan sejumlah wang pampasan atas satu pengambilan tanah sekitar tahun 1992. Walau bagaimanapun, mahkamah telah berpihak kepada LADA memandangkan tuntutan tersebut dihalang oleh tempoh had masa di bawah Akta Had Masa 1953 dan/atau Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam. Tuntutan tersebut turut dilaksanakan tanpa mengikut prosedur yang tepat di bawah Akta Pengambilan Tanah.

Antara kejayaan lain adalah dalam penyelesaian tindakan perundangan di Mahkamah Tinggi berkaitan 48 unit lot perumahan milik LADA. Tindakan ini secara khususnya melibatkan pembetulan kedudukan unit-unit perumahan yang pada asalnya mempunyai penandaan lot yang berbeza di atas geran. Pelaksanaan tindakan tersebut telah berjaya membuka dan memberi ruang kepada unit-unit ini untuk dijual, seterusnya memberikan pulangan hasil serta manfaat kepada penduduk.

Bagi memastikan tadbir urus dan kelancaran pengurusan perkhidmatan perundangan di LADA dengan mengambilkira pelbagai cabaran berikutan penularan COVID-19, Unit Undang-undang sentiasa bersedia dan mengutamakan kualiti serta kesinambungan perkhidmatan perundangan selain memastikan keputusan dan perbincangan tetap terus berlangsung di antara bahagian/unit di LADA dan peguam-peguam panel menerusi kaedah dan platform atas talian.

Berikutan penguatkuasaan PKP di seluruh negara pada tahun 2020, kerajaan telah meluluskan Warta Kerajaan: Perintah Syarikat (Pengecualian No. 2) 2020 yang mengecualikan tindakan untuk penguatkuasaan ke atas syarikat di bawah Seksyen 466 (1)(a) Akta Syarikat 2016 mulai 23 April hingga 31 Disember 2020. Namun, LADA masih aktif dalam tindakan perundangan melibatkan pelaksanaan lebih daripada 50 perjanjian. Sejumlah 96 tindakan perundangan telah diambil ke atas penyewa-penyewa yang ingkar dan gagal menjelaskan bayaran sewa premis-premis LADA. Tindakan perundangan yang diambil merangkumi tindakan untuk mendapatkan pelaksanaan penghakiman seperti sitaan dan Saman Penghutang Penghakiman *(Judgment Debtor Summons)* sehingga bayaran tunggakan sewa selesai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, tindakan yang diambil pada awal Mac 2020 ini terpaksa ditangguhkan bagi mematuhi arahan kerajaan yang berkait rapat dengan penularan pandemik COVID-19.

Berikut merupakan perincian jenis aktiviti perundangan berdasarkan kluster fungsi Unit Undang-undang:

Bil.	Kluster Fungsi	Keterangan Fungsi
1	Gubalan	Menyediakan dan menyerahkan dokumen pindaan dan lanjutan jangka hayat LADA kepada pihak berkepentingan.
2	Nasihat perundangan kepada bahagian dan unit di LADA serta anak-anak syarikat LADA	Menyediakan, menyemak, menasihati, meneliti, memeterai dan menjilid perjanjian serta semua dokumen perundangan yang melibatkan kepentingan LADA.
3	Litigasi	Menguruskan kes litigasi pada semua peringkat mahkamah, menyemak dan meneliti kertas kuasa mahkamah, meneliti dokumen berkaitan, mencari dokumen berkaitan, mengenal pasti dan menyediakan saksi-saksi perbicaraan, menghadiri perbicaraan, memantau kes dan urusan-urusan lain dari semasa ke semasa sehingga selesai kes termasuk kes-kes pada peringkat rayuan.
4	Pemindahan hak *(Conveyancing)*	Menguruskan transaksi pembelian hartanah dan urus niaga lain.
5	Kutipan hutang *(Debt Recovery)* premis dan hartanah milik LADA	Menguruskan tindakan kutipan hasil dan milikan kosong premis LADA termasuk melaksanakan proses rundingan dengan penyewa, membuat lawatan tapak ke premis-premis, mengenal pasti alamat terkini penyewa, menyelaras dan menilai kes tunggakan yang dirujuk *as per case basis* dan mengkaji serta mencadangkan penyelesaian yang efektif demi melindungi hak dan kepentingan LADA.

Jadual 1: Aktiviti Perundangan Berdasarkan Kluster Fungsi

Kerja-kerja perundangan ini juga tidak terhad kepada LADA sahaja tetapi secara tidak langsung turut melibatkan hal ehwal anak-anak syarikat LADA terutamanya dari sudut tadbir urus perundangan korporat dan komersial. Justeru, aspek penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti, tepat, profesional dan komprehensif amatlah dititikberatkan oleh unit ini.

PENILAIAN PEGUAM PANEL LADA

Libat urus barisan panel peguam turut menjadi fokus utama. Pemantauan tahap kepakaran, kesesuaian tindakan dan kawalan mutu perkhidmatan sentiasa menjadi aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan panel peguam. Justeru, pelaksanaan kaedah naziran ke atas semua panel peguam LADA telah dijalankan pada 21 hingga 23 Oktober dan 2 November 2020. Walau bagaimanapun, penilaian ke atas beberapa panel peguam tidak dapat dijalankan secara bersemuka berikutan arahan PKP yang tidak membenarkan pergerakan rentas negeri. Namun demikian, penilaian dilaksanakan melalui komunikasi dua hala atas talian dan segala dokumentasi berkaitan direkodkan. Laporan hasil naziran dan penilaian bagi tujuan penyambungan atau penamatan perkhidmatan panel peguam untuk tahun akan datang telah dibentangkan dan diluluskan pada Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 1/2021.

Sesi Penilaian Panel Peguan LADA yang dilaksanakan oleh kakitangan Unit Undang-Undang.

PROGRAM LATIHAN PERUNDANGAN

Buat pertama kalinya, LADA menerusi Unit Undang-undang dengan kerjasama Bahagian Kewangan telah menganjurkan Bengkel Permurnian Pengurusan Bil Guaman LADA pada 27 September 2020 bertempat di Hotel Adya Kuah, Langkawi.

Antara objektif utama penganjuran bengkel tersebut adalah seperti berikut:

i. Sebagai salah satu medan diskusi dan platform antara LADA dan kakitangan panel-panel peguam yang mengendalikan urusan bil guaman untuk membincangkan isu-isu pembayaran di pihak peguam dan LADA;

ii. Menjelaskan mengenai peraturan, tatacara dan peruntukan kewangan yang perlu dipatuhi oleh LADA sebagai Agensi Badan Berkanun; dan

iii. Membuat pelarasan dan menyemak semula garis panduan yang diguna pakai LADA demi memastikan proses kerja yang dilaksanakan adalah terkini dan relevan sekali gus meningkatkan kelancaran proses kerja bayaran guaman oleh kedua-dua pihak.

Sekitar Program Latihan Perundangan bersama kakitangan LADA.

ISU DAN CABARAN

Perubahan perundangan semasa menuntut kepakaran dan pengetahuan perundangan dari semasa ke semasa bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, tepat dan komprehensif. Perubahan landskap politik semasa dan peralihan kerajaan juga turut mewarnai kerja-kerja perundangan yang menuntut Unit Undang-undang supaya lebih cakna dengan isu-isu dan polisi semasa kerajaan.

Dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan perundangan, faktor kedudukan dan sudut geografi Pulau Langkawi menyumbang kepada kesukaran utama untuk menjejaki individu tertentu bagi tujuan tersebut. Isu-isu lapuk dan semasa terutamanya di dalam pengurusan hartanah, perancangan dan pelaburan yang masih wujud dan belum diselesaikan turut perlu diberi perhatian dan memerlukan semakan terperinci dan kerjasama yang tinggi dari bahagian-bahagian dan unit di LADA serta kesemua pihak yang berkaitan. Pengendalian kes-kes litigasi berprofil dan berkompleksiti tinggi mengambil tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan juga menuntut konsistensi, daya usaha dan kompetensi serta komitmen yang tinggi oleh warga kerja Unit Undang-undang khususnya.

PENGURUSAN AUDIT

KAWALAN DAN PENGURUSAN AUDIT DALAMAN

Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi pandangan dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi LADA. Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan pada tahun 1999. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1, UAD berperanan membantu LADA dalam mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. UAD bertanggungjawab melaksanakan pengauditan dalaman meliputi semua bahagian dan unit serta syarikat subsidiari dan pelaburan LADA.

PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI AUDIT

Berdasarkan Rancangan Audit Tahun 2020, UAD telah melaksanakan enam (6) berbanding 12 aktiviti pengauditan pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, terdapat dua (2) aktiviti tambahan telah dijalankan merangkumi pengauditan khas/siasatan dan khidmat nasihat. Pengauditan khas/siasatan dilaksanakan berdasarkan arahan daripada Pengurusan Tertinggi LADA atau Jawatankuasa Audit (JKAD). Aktiviti khidmat nasihat pula dilaksanakan melalui pelaporan terhadap isu-isu berbangkit secara *ad-hoc* yang memerlukan penyelesaian dengan segera.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 23 laporan dan pandangan audit tambahan telah dikeluarkan. Perkara ini memberi kesan terhadap pelaksanaan aktiviti audit yang telah dirancang. Selain itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada pertengahan Mac 2020 turut menjejaskan perancangan yang ditetapkan.

Pencapaian program UAD berbanding sasaran adalah seperti berikut:

PELAPORAN AKTIVITI TAMBAHAN TAHUN 2020





Rajah 1: Pelaksanaan Aktiviti Audit Bagi Tahun 2020

JKAD telah meluluskan pelaksanaan aktiviti pengauditan bagi tahun 2020 dengan satu (1) aktiviti digugurkan dan empat (4) aktiviti di bawa ke tahun 2021. Senarai program/aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA & KHIDMAT

1. Pengauditan Pengurusan Elaun Lebih Masa.

PENGURUSAN SYARIKAT

1. Pengauditan Pelaburan Di Kampung Tok Senik.

OPERASI KEWANGAN

i. Penyata Kewangan 2019.
ii. AG Dashboard Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan Syarikat PLSB.

PROSES/OPERASI

1. Pengurusan Kualiti: Audit Dalaman ISO.
2. Pemeriksaan Mengejut.
3. Lawatan Pemantauan Acara/Projek.
   i. Laman Padi
   ii. Projek Rintis Integrasi Pertanian & Perikanan
   iii. Taman Botani, Pantai Kok
   iv. Projek 5G Command Centre
   V. Jeti Kubang Badak

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil.1/2020 Bertempat di Kementerian Kewangan.

Exit Conference Pengauditan Pelaburan Di Kampung Tok Senik.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil.2/2020 (Secara atas Talian).

Pemeriksaan Mengejut Di Kompleks Sukan Langkawi (KSL).

Lawatan Pemantauan Projek Ke Taman Botani, Pantai Kok.

Sesi Perbincangan Isu-isu Berbangkit Penyata Kewangan Anak Syarikat – Langsura Geopark Sdn. Bhd.

ISU DAN CABARAN

Bagi memastikan UAD dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan, UAD perlu peka dan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan organisasi. Antara cabaran utama yang dihadapi bagi tahun 2020 adalah situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Pandemik ini turut memberi kesan terhadap proses penyampaian perkhidmatan yang menuntut peningkatan penggunaan teknologi. Pelaksanaan pengauditan sepanjang tahun 2020 juga adalah terbatas. Namun, tugas-tugas yang diamanahkan perlu diteruskan melalui medium dalam talian supaya kawalan pencegahan dalaman dapat dilaksanakan untuk menjamin kualiti dan pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa. Keadaan ini memerlukan UAD untuk bersikap proaktif dan kreatif dalam menyempurnakan tugas-tugasnya.

PENGURUSAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan merupakan nadi yang menentukan perjalanan dan pentadbiran kewangan LADA. Bahagian ini juga berperanan sepenuhnya dalam memastikan setiap transaksi yang terlibat mematuhi peraturan dan dasar kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

1. Pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Penyediaan Baucar Bayaran

Pada tahun 2020, terdapat penurunan bagi jumlah pengeluaran Pesanan Kerajaan iaitu sebanyak 21% berbanding pada tahun 2019. Bagi Penyediaan Baucar Bayaran pada tahun 2020 pula, terdapat pengurangan sebanyak 11.4%. Perincian perbezaan bagi kedua-dua perkara tersebut adalah seperti berikut:



Penurunan bagi pengeluaran Pesanan Kerajaan dan penyediaan Baucar Bayaran adalah disebabkan oleh pengurangan acara dan program yang dilaksanakan akibat situasi pandemik.

2. Prestasi Pemprosesan Bil dan Tuntutan

Bahagian Kewangan telah berjaya menyelesaikan 100% proses bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari. Walau bagaimanapun, terdapat pengurangan bagi bil yang diproses pada bulan April dan Mei tahun 2020 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh arahan PKP yang membataskan pelaksanaan aktiviti dan program. Perincian laporan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti jadual berikut:

TAHUN 2019					TAHUN 2020				
BULAN	BIL (1-7 Hari)	BIL (8-14 Hari)	JUMLAH BIL	%	BULAN	BIL (1-7 Hari)	BIL (8-14 Hari)	JUMLAH BIL	%
JANUARI	454	0	454	100	JANUARI	482	1	483	100
FEBRUARI	622	1	623	100	FEBRUARI	543	0	543	100
MAC	507	0	507	100	MAC	636	0	636	100
APRIL	593	0	593	100	APRIL	225	3	228	100
MEI	770	1	771	100	MEI	254	0	254	100
JUN	328	0	328	100	JUN	380	0	380	100
JULAI	550	0	550	100	JULAI	505	0	505	100
OGOS	449	1	450	100	OGOS	428	0	428	100
SEPTEMBER	661	1	662	100	SEPTEMBER	693	0	693	100
OKTOBER	688	2	690	100	OKTOBER	611	0	611	100
NOVEMBER	695	7	702	100	NOVEMBER	585	0	585	100
DISEMBER	1038	0	1038	100	DISEMBER	1039	0	1039	100
JUMLAH	**7355**	**13**	**7368**	**100**	**JUMLAH**	**6381**	**4**	**6385**	**100**

Jadual 1: Laporan Prestasi Bil Januari - Disember 2019 dan 2020

3. *Refresher Course* - Pengurusan Kewangan, Perakaunan, Perolehan Dan Pengurusan Aset

Refresher Course ini telah disertai oleh 33 orang pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan di LADA. Kursus ini telah diadakan pada 22 Disember 2020 bertempat di Aloft Hotel, Pantai Tengah Langkawi.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan pegawai kepada pengurusan kewangan yang cekap dari segi prosedur dan teguran-teguran audit yang perlu diperbaiki pada masa hadapan.

Sesi Refresh Course - Pengurusan Kewangan, Perakaunan, Perolehan Dan Pengurusan Aset

Pengurus Bahagian Kewangan sebagai penceramah bagi sesi Isu Pengurusan Kewangan & Isu Audit.

Pengurus Bahagian Kewangan sebagai penceramah bagi sesi Isu Pengurusan Kewangan & Isu Audit.

Encik Nor Adill bin Bahatim mewakili Bahagian Kewangan sebagai penceramah bagi sesi Tuntutan Perjalanan Dalam / Luar Negeri.

- **RUMUSAN**
  Bahagian Kewangan telah berjaya melaksanakan bagi 100% bil-bil tuntutan diproses dalam tempoh 14 hari untuk tahun 2020 serta dapat mencapai KPI yang ditetapkan dalam Pengurusan Kewangan.

4. Kaunter Bergerak Di Taman Nilam, Langkawi

Bahagian Kewangan telah melaksanakan kaunter bergerak pada 30 September 2020 bertempat di kawasan perumahan milik LADA bagi mengutip hasil sewa beli rumah Taman Nilam. Jumlah kutipan yang diperoleh daripada program tersebut adalah sebanyak RM16,280.00 melibatkan 33 individu yang membuat bayaran.

ISU DAN CABARAN

Peralihan piawaian perakaunan LADA daripada *Private Entity Reporting Standard (PERS)* kepada *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)* sejak tahun 2016 telah merubah proses dan tatacara pengurusan perakaunan di LADA. Memandangkan piawaian MPSAS lebih kompleks dan luas, pegawai perlu mengemaskini ilmu pengetahuan sedia ada dan proses kerja baharu. Setiap tahun Jabatan Audit Negara akan mengesyorkan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan agar mematuhi piawaian MPSAS sepenuhnya.

Disebabkan peralihan piawaian perakaunan juga terdapat rekod sebelumnya perlu diubah dan mematuhi piawaian MPSAS. Sebagai contoh, penerimaan Geran Kerajaan sebelum ini direkodkan sebagai terimaan pendapatan (Ekuiti) dan perbelanjaan pula dimasukkan sebagai belanja operasi. Namun begitu, di bawah MPSAS setiap Geran Kerajaan dikategorikan sebagai Liabiliti (Hutang) dan segala perbelanjaan pula perlu dilunaskan kepada Aset ataupun belanja operasi. Perincian baki Geran Tertunda perlu direkod simpan dengan teratur setiap tahun. Cabaran wujud apabila LADA perlu menyediakan Baki Geran Tertunda sejak mula ditubuhkan sehingga kini dan kebanyakan dokumen kewangan yang melebihi tempoh telah dilaksanakan pelupusan dokumen.

BAB 7

INTEGRITI KORPORAT

- Tadbir Urus
- Pengukuhan Integriti
- Aktiviti Pematuhan

Unit Integriti (UI) ditubuhkan untuk memastikan warga LADA mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Hal ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan UI sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pendekatan ini dilihat dapat membendung salah laku rasuah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi dalam kalangan semua penjawat awam.

Tadbir Urus

Dalam usaha LADA mencapai tahap integriti yang optimum, UI menitikberatkan pengurusan organisasi yang berkesan melalui pelaksanaan elemen tadbir urus seperti berikut:

1. Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE)

Sepanjang tahun 2020, UI telah berjaya menerbitkan tiga (3) Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA seperti berikut:

2. Pelan Antirasuah Organisasi

UI juga telah berjaya menerbitkan buku Pelan Antirasuah Organisasi Lembaga Pembangunan Langkawi atau dikenali sebagai **PARLADA 2020 – 2024**. Buku ini telah dilancarkan oleh YBrs. Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA pada 21 Disember 2020. Pelan ini dibangunkan sebagai bukti komitmen dan rujukan kepada seluruh warga LADA dalam mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi.

Sesi bergambar pelancaran PARLADA 2020 – 2024.

Buku PARLADA 2020–2024 yang menjadi sumber rujukan kepada seluruh warga LADA dalam mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi.

Ucapan majlis pelancaran buku PARLADA 2020–2024 oleh YBrs. Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA.

3. Kod Etika LADA

Kod etika ini telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi LADA pada 17 Ogos 2020 dan boleh diakses melalui pautan laman sesawang LADA. Kod etika ini disediakan sebagai panduan yang menggabungkan nilai akhlak, perbuatan dan tindakan seragam yang perlu dipatuhi dan dibudayakan oleh warga LADA.

Objektif Kod Etika LADA adalah untuk:

i. Memantapkan integriti warga LADA dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya; dan

ii. Menjelaskan tingkah laku yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh warga LADA bagi memastikan kesemuanya selaras dengan kehendak undang-undang, dasar dan garis panduan yang berkuat kuasa.

4. Urus Setia Jawatankuasa Peringkat Jabatan

Sepanjang tahun 2020, UI telah menjadi urus setia kepada tiga (3) jawatankuasa utama dan telah berjaya melaksanakan sembilan (9) mesyuarat utama pengurusan integriti dan tatatertib seperti berikut:

MESYUARAT		TARIKH
Jawatankuasa Tatatertib LADA	Bilangan 1 Tahun 2020	24 Januari 2020
	Bilangan 2 Tahun 2020	14 Disember 2020
Jawatankuasa Antirasuah LADA	Bilangan 1 Tahun 2020	7 Jun 2020
	Bilangan 2 Tahun 2020	21 September 2020
Jawatankuasa Menilai Maklumat LADA	Bilangan 1 Tahun 2020	21 September 2020
	Bilangan 2 Tahun 2020	21 September 2020
	Bilangan 3 Tahun 2020	20 Oktober 2020
	Bilangan 4 Tahun 2020	22 Oktober 2020
	Bilangan 5 Tahun 2020	24 Disember 2020

Jadual 1: Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tatatertib LADA Tahun 2020

Pengukuhan Integriti

Bagi meningkatkan penghayatan dan pembudayaan moral dan tingkah laku yang murni dalam kalangan warga LADA, UI melaksanakan program dan bengkel modal insan seperti berikut:

1. Taklimat Hak-Hak Dalam Mendepani Siasatan Daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Taklimat ini telah diadakan pada 6 Julai 2020 di LADA dan disampaikan oleh Tuan Mohd Zaini bin Hassan, Timbalan Pengarah SPRM Cawangan Langkawi. Sesi ini bertujuan memberi pendedahan dan maklumat berhubung hak-hak agensi atau individu dalam mendepani siasatan yang dijalankan oleh pihak SPRM. Selain itu, ia juga dilaksanakan untuk mempersiapkan diri pegawai dengan pengetahuan tentang hak dan prosedur pelaksanaan siasatan SPRM yang betul. Program ini telah dihadiri oleh 28 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional serta barisan Pengurusan Tertinggi LADA.

Penceramah jemputan Tuan Mohd Zaini bin Hassan, Timbalan Pengarah SPRM Cawangan Langkawi.

Sesi taklimat hak-hak dalam mendepani siasatan daripada SPRM.

2. Program *i-Talk*: Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait Siri 1, Siri 2 Dan Siri 3

Program ini merupakan perkongsian kisah pengalaman hidup *(real life experience)* dari tirai besi yang dilalui selama tiga (3) tahun oleh Encik Mohd Firdaus Ramlan, mantan Majistret Kota Bharu, Kelantan. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bahana rasuah kepada diri pelaku dan keluarga. Di samping itu, ia juga dilaksanakan bagi menyahut seruan kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah di negara kita, selaras dengan amanat daripada YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Tiga (3) siri program ini telah diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Program *i-Talk*	Tempat	Tarikh
1.	Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait Siri 1	Dewan Besar LADA	19 Julai 2020
2.	Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait Siri 2	Dewan Besar LADA	19 September 2020
3.	Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait Siri 3	Hotel Goldsands, Langkawi	16 Disember 2020

Jadual 2: Program i-Talk: Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait

Program *i-Talk* Siri 1:
Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait di Dewan Besar LADA pada 19 Julai 2020.

Program *i-Talk* Siri 2:
Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait di Dewan Besar LADA pada 19 September 2020.

Program *i-Talk* Siri 3:
Tumbuk Rusuk Telunjuk Lurus Kelingking Berkait di Hotel Goldsands pada 16 Disember 2020.

Sesi perkongsian ilmu bersama peserta Program *i-Talk*.

3. Bengkel Tatacara Pengenaan Surcaj LADA

Bengkel ini dilaksanakan selaras dengan inisiatif yang telah dirangka bagi memastikan penubuhan Jawatankuasa Surcaj adalah tidak bertentangan dengan mana-mana peraturan Persekutuan dan Badan Berkanun. Selain itu, ia bertujuan memberi kefahaman berhubung tatacara pengenaan surcaj dan memastikan keteraturan pelaksanaan proses surcaj. Bengkel ini telah diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2020 di Hotel City Bayview, Langkawi dan dihadiri oleh Pengurus Bahagian/Ketua Unit bersama pasukan Pengurusan Aset LADA.

Sesi bergambar Bengkel Tatacara Pengenaan Surcaj LADA pada 21 hingga 23 Julai 2020 di Hotel City Bayview, Langkawi

Sesi percambahan minda yang dilaksanakan oleh peserta-peserta bengkel

4. Program *Do The Right Thing*

Bagi mewujudkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam kalangan warga kerja LADA, satu inisiatif telah dilaksanakan melalui Program *Do The Right Thing*. Dua (2) siri program ini telah dilaksanakan pada 28 dan 29 Disember 2020 bertempat di Hotel Aloft, Pantai Chenang, Langkawi. Selain itu, program ini juga memfokuskan kepada pemahaman berhubung konsep kuasa, tanggungjawab dan amanah dalam pelaksanaan tugas sebagai penjawat awam.

Sesi pembentangan aktiviti kumpulan.

Sesi soal jawab bersama penceramah.

Aktiviti secara berkumpulan.

Aktiviti Pematuhan

Sepanjang tahun 2020, terdapat 95 aktiviti pematuhan yang telah dilaporkan. Jumlah ini telah menurun sebanyak 33% berbanding yang direkodkan pada tahun 2019. Pencapaian ini adalah disebabkan oleh aktiviti pemantauan yang dilaksanakan oleh unit ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pemantauan CCTV, *Hot Spot Checking* (Pemeriksaan Mengejut) di Bahagian/Unit secara berkala dan *kempen Integrity Today* yang dilaksanakan melalui kiriman e-mel kepada semua warga LADA berkaitan salah laku dan penghayatan nilai-nilai teras iaitu amanah, benar, bijaksana, telus, adil dan bersyukur.



Rajah 1: Rekod Aktiviti Pematuhan Unit Integriti Tahun 2020

Isu dan Cabaran

Berikutan kemelut wabak pandemik COVID-19 di seluruh negara bahkan dunia, kekangan dan keterbatasan ruang dan masa menjadi antara sebilangan cabaran kepada UI dalam mencapai dan merealisasikan beberapa perancangan yang telah diatur. Antara cabaran dan halangan yang ditempuhi berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan ialah pelaksanaan program-program pengukuhan integriti yang diadakan dengan norma baharu dan secara *virtual*. Berbeza dengan pelaksanaan secara bersemuka yang mana impak keberkesanannya adalah lebih menyeluruh dalam memberi kesedaran untuk memupuk nilai integriti serta mengekang berlakunya salah laku di kalangan warga kerja. Namun begitu, ia bukan menjadi halangan dan alasan kepada pasukan kerja di UI untuk kekal bersemangat dan tetap memberikan komitmen cemerlang dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

BAB 8

PENGURUSAN KORPORAT DAN KOMUNITI

- Komunikasi Strategik Dan Media Peneraju Imej Korporat
- Keberkesanan Perhubungan Awam Dan Perkhidmatan Pelanggan
- Pembangunan Komuniti Demi Kesejahteraan Langkawi

Unit Khidmat Korporat (UKK) ditubuhkan sebagai barisan hadapan dalam pengurusan perkhidmatan pelanggan, aduan awam dan pemerkasaan pembangunan komuniti Langkawi.

Komunikasi Strategik dan Media Peneraju Imej Korporat

Komunikasi strategik merupakan salah satu komponen utama untuk menyampaikan maklumat organisasi kepada pemegang taruh dan pelanggan. Komunikasi perlu dilihat sebagai sesuatu yang konstitusi, berlandaskan perancangan yang teliti, dilaksanakan secara berhemat dan dinilai secara berterusan. Justeru, komunikasi strategik perlulah diberi perhatian yang serius bagi memastikan pengurusan organisasi sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan terurus.

Berdasarkan prinsip tersebut, unit ini telah merancang dan melaksanakan penerbitan, menguruskan media secara optimum serta memastikan platform media sosial dijadikan sebagai medium penyampaian maklumat kepada pemegang taruh. Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020:

1. Penerbitan E-Buletin LADA

E-Buletin LADA telah diterbitkan sebanyak empat (4) kali pada setiap suku tahun. Penerbitan ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti rasmi serta program dan acara yang dianjurkan di Langkawi. Selain itu, penerbitan ini juga diharapkan menjadi inspirasi kepada warga kerja LADA dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

2. Penerbitan Video Pendek

UKK telah menerbitkan sebanyak 16 buah video pendek bagi tujuan promosi produk pelancongan Langkawi. Penerbitan video telah dilaksanakan secara dalaman *(in-house)* bagi memastikan matlamat penerbitan tercapai. Video-video berdurasi kurang 90 saat ini telah dimuat naik ke media sosial LADA.

Senarai video promosi yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Video
1	Jeti Kuah
2	Pantai Chenang
3	Mardi
4	Gunung Raya
5	Kilim
6	Langkawi Yacht Club
7	Kota Mahsuri
8	Air Terjun Temurun
9	Underwater World
10	Langkawi Wildlife Park
11	Geopark Discovery Centre
12	Kompleks Kraf
13	Galeria Perdana
14	Selfie Museum
15	LADA dalam Arus Pembangunan
16	Durian Perangin

3. Penerbitan E-Poster

Berteraskan strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan, penerbitan e-poster dilaksanakan untuk membuat hebahan dan promosi bersasar. Poster ini dihasilkan secara berterusan bagi memastikan maklumat terkini sentiasa dapat disampaikan kepada awam. Sebanyak 72 e-poster telah dimuat naik di media sosial LADA.

4. Pengurusan Liputan Media

Liputan media merupakan perkara penting dalam menyebarkan berita kepada awam. Pelaporan media dilihat sesuatu yang dapat melonjakkan imej LADA serta dapat meningkatkan kepercayaan awam terhadap organisasi ini dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Justeru, LADA menjalinkan hubungan yang baik bersama pengamal media khususnya di Zon Utara iaitu di negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 24 liputan media telah diatur bagi pelaksanaan acara dan program rasmi LADA.



MEDIA ARUS PERDANA YANG TELAH MEMBUAT LIPUTAN BERKAITAN LANGKAWI SEPANJANG TAHUN 2020

STATISTIK PEMANTAUAN MEDIA BAGI TAHUN 2020

67
MEDIA ELEKTRONIK LADA



Berita Elektronik (LADA) daripada jumlah keseluruhan

605
MEDIA ELEKTRONIK LANGKAWI

Berita Elektronik (LANGKAWI) daripada jumlah keseluruhan

72
MEDIA CETAK

Berita Cetak daripada jumlah keseluruhan

SEJUMLAH **744** KESELURUHAN LIPUTAN BERITA SEPANJANG TAHUN 2020

STATISTIK PEMANTAUAN MEDIA BAGI TAHUN 2020

MEDIA ATAS TALIAN

Kekerapan Keseluruhan	Bulan	Pertalian Media	Pecahan Kekerapan	
142	JAN	LADA	4	
		LANGKAWI	138	
182	FEB	LADA	1	
		LANGKAWI	181	
24	MAC	LADA	2	
		LANGKAWI	22	
19	APR	LADA	2	
		LANGKAWI	17	
33	MEI	LADA	4	
		LANGKAWI	28	
54	JUN	LADA	3	
		LANGKAWI	51	
26	JUL	LADA	0	
		LANGKAWI	26	
29	OGOS	LADA	0	
		LANGKAWI	29	
50	SEP	LADA	20	
		LANGKAWI	30	
14	OKT	LADA	0	
		LANGKAWI	14	
48	NOV	LADA	6	
		LANGKAWI	42	
51	DIS	LADA	24	
		LANGKAWI	27	

MEDIA CETAK (KERATAN AKHBAR)

Bulan	Kekerapan Keseluruhan
JANUARI	32
FEBRUARI	10
MAC	2
APRIL	0
MEI	0
JUN	0
JULAI	0
OGOS	0
SEPTEMBER	0
OKTOBER	14
NOVEMBER	4
DISEMBER	10

5. Pengurusan Media Sosial

Pasukan pengurusan kandungan telah diwujudkan bagi menghasilkan kandungan hebahan, melaksanakan penyampaian kreatif dan memantau pelaporan atau isu-isu yang dibangkitkan berkaitan LADA dan Langkawi di media sosial. Pasukan ini berperanan sebagai kakitangan barisan hadapan LADA bagi menyalurkan maklum balas terhadap isu-isu berbangkit di media sosial.

JUMLAH POSTING MEDIA SOSIAL LADA

2020	FACEBOOK	INSTAGRAM	TWITTER	YOUTUBE	JUMLAH
JAN	25	25	33	3	86
FEB	38	30	27	1	96
MAC	59	46	43	4	152
APR	34	32	33	1	100
MEI	27	25	28	3	83
JUN	53	47	47	7	154
JUL	47	39	36	6	128
OGOS	58	52	52	8	170
SEP	44	41	41	15	141
OKT	37	37	37	10	121
NOV	28	26	27	0	81
DIS	44	44	44	7	139
Jumlah	**494**	**444**	**448**	**65**	**1451**

Dikemaskini sehingga 31 Disember 2020

Keberkesanan Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Pelanggan

Pengurusan melalui pelbagai saluran tradisional dan digital memainkan peranan penting untuk meningkatkan jalinan hubungan kerjasama pada semua peringkat. Pengurusan aduan yang sistematik turut diberi penekanan bagi memastikan kehendak pelanggan dapat dipenuhi. Dalam hubungan ini, LADA mempelbagaikan strategi supaya matlamat pembangunan Langkawi berdasarkan visi dan misi yang ditetapkan dapat difahami oleh semua pihak berkepentingan.

Program dan aktiviti perhubungan awam yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LADA telah mula dilaksanakan sejak tahun 2010. Hal ini adalah selaras dengan fungsi LADA yang sinonim sebagai agensi persekutuan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan fizikal semata-mata. Malah, ia juga berperanan sebagai pemangkin kestabilan sosioekonomi komuniti Langkawi. Penyaluran peruntukan CSR dilaksanakan melalui sumbangan kepada pihak-pihak yang memerlukan. LADA turut menambah baik Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat LADA berdasarkan keadaan semasa ekoran penularan pandemik COVID-19.

Teras Kecemasan, Kemalangan dan Bencana telah ditambah baik melalui penambahan elemen penularan wabak penyakit berjangkit atau pandemik serta bencana yang diisytiharkan oleh kerajaan. Melalui penambahbaikan teras ini, pelbagai pihak telah mendapat manfaat yang sewajarnya. Selain orang awam, agensi-agensi pendidikan, kesihatan, sukan, kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi keagamaan turut mendapat faedah daripada penambahbaikan ini.

Dana sebanyak RM184,130.00 yang melibatkan 36 program CSR telah disalurkan oleh LADA berdasarkan permohonan daripada pelbagai pihak. Jumlah ini telah berkurang ekoran pelaksanaan PKP yang diumumkan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

PRESTASI PERBELANJAAN CSR BAGI TAHUN 2020

2. Pengurusan Lawatan Rasmi

Sepanjang tahun 2020, LADA telah menerima lapan (8) lawatan rasmi yang melibatkan seramai 208 orang pelawat dari jabatan serta agensi kerajaan, syarikat swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan NGO dari dalam dan luar negara. Lawatan-lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman tentang tadbir urus LADA, pembangunan pelancongan dan prestasi sektor pelancongan Pulau Langkawi.

Bil.	Jabatan/agensi	Tarikh	Jumlah Ahli Rombongan
1	Lawatan Rasmi Sekolah Menengah Sungai Pelek, Selangor	16 Februari 2020	25 orang
2	Universiti Sains Malaysia	3 Februari 2020	38 Orang
3	Lawatan Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang	2 Mac 2020	40 Orang
4	Fakulti Pengurusan Hospitaliti, Kolej Komuniti Universiti Islam	27 Februari 2020	12 Orang
5	Beijing Maritime Sports Industry Investment Co. Ltd	9 Januari 2020	30 Orang
6	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	18 Ogos 2020	15 Orang
7	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	18 Ogos 2020	25 Orang
8	Persatuan Sentuhan Kembara Malaysia	27 Julai 2020	23 Orang

Jadual 1: Senarai Lawatan Rasmi Bagi Tahun 2020



Rajah 1: Kategori Berdasarkan Negara Lawatan Rasmi Bagi Tahun 2020



Rajah 2: Kategori Lawatan Rasmi Bagi Tahun 2020

3. Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan telah dilaksanakan dari 15 Oktober hingga 14 Disember 2020 dengan penglibatan seramai 455 orang responden. Kajian ini memberi fokus kepada mutu perkhidmatan pegawai dan kakitangan serta prestasi kemudahan Kompleks LADA. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi *Google Form* dan borang kajian secara manual. Keseluruhan skor yang diperoleh adalah sebanyak 95% iaitu pada tahap cemerlang. Hasil dapatan kajian akan dijadikan sebagai panduan bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

4. Laporan Aduan

Sebanyak 21 aduan telah diterima melalui saluran rasmi dan saluran tidak rasmi sepanjang tahun 2020. 20 aduan telah berjaya diselesaikan pada tahun yang sama.

SALURAN ADUAN

SENARAI ADUAN LADA

Aduan Selesai	10

SENARAI ADUAN PELBAGAI

Aduan Selesai	10

Aduan Belum Selesai	1	(Insiden *Parasailing* di Pantai Cenang)

Pembangunan Komuniti Demi Kesejahteraan Langkawi

LADA telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk terus memacu pembangunan komuniti dalam pelbagai aspek. Hal ini selaras dengan matlamat dan pembangunan transformasi negara berlandaskan Pelan Strategik Pembangunan Komuniti LADA. Fokus utama program komuniti ini adalah dalam bidang ekonomi, infrastruktur kecil, sosial dan modal insan.

Fokus LADA dan agensi-agensi pelaksana dalam agenda pembangunan komuniti Langkawi termasuklah mendapatkan penglibatan, meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup selaras dengan arus pembangunan semasa *(growth & equity)*. Seterusnya, ia dapat membantu memperkasakan komuniti ke taraf hidup yang lebih baik.

Sebanyak 17 program dapat dilaksanakan walaupun terdapat kekangan daripada pelaksanaan PKP. Program-program ini dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang berkuat kuasa.

Program-program yang direncanakan adalah bertujuan untuk mendekatkan LADA dengan komuniti Langkawi serta membantu mereka yang terkesan dengan penularan COVID-19. Empat (4) teras pelaksanaan program komuniti adalah seperti berikut:

EMPAT (4) TERAS PELAKSANAAN PROGRAM KOMUNITI

Teras 1: Sosial

- Mengukuhkan perpaduan dan kebajikan masyarakat.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat dan pembangunan sahsiah jati diri.
- Meningkatkan pembangunan kerohanian masyarakat.
- Membanteras aktiviti pelencongan sosial.

Teras 2: Modal Insan

- Memperkasa modal insan ke arah pemikiran yang progresif dan kreatif.
- Meningkatkan motivasi pelajar.

Teras 3: Infrastuktur Kecil

- Menaik taraf dan menyelenggara prasarana awam untuk kesejahteraan.
- Menambahbaik nilai kemudahan sedia ada dan menyediakan kemudahan baru yang dapat menjana ekonomi kecil.

Teras 4: Ekonomi Kecil

- Mewujudkan usahawan berdaya saing.
- Memperkembangkan usahawan rantaian.
- Perikanan dan pertanian berskala kecil.

4 TERAS

Program Pembudayaan Norma Baharu

Majlis Perasmian Liga Bola Sepak Piala LADA 2020

Penyampaian Sumbangan Ramadhan Fi-Qalbi

Penyerahan Set Hidroponik Sempena Program Komuniti Pertanian Bandar Berkala Kecil

Program E-Usahawan (4)

Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik A-KAWI 2020

Program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

MODAL INSAN

1. Pesta Buku Langkawi
2. Program Kemahiran Psikomotor & Psikososial Murid Berkeperluan Khas
3. Anugerah Kecemerlangan Pelajar Langkawi (A-KAWI)
4. Pembudayaan Norma Baharu
5. Program *Back To School*

SOSIAL

1. Pembudayaan Norma Baharu
2. Langkawi Chinese New Year
3. Liga Bola Sepak Langkawi: Piala LADA
4. Program Santuni Komuniti India Sempena Sambutan Deepavali
5. Program Jejak Prihatin Langkawi
6. *Langkawi Community Volleyball Games*
7. Program Santai KPE Bersama Komuniti Nyior Chabang

KEROHANIAN

1. Program Ramadhan Fi Qalbi
2. Program Bicara Ilmu Sempena Sambutan Maal Hijrah

EKONOMI

1. Program *School of Digital:* E-Usahawan
2. Program Pelepasan Alat Peranti Pengumpulan Sumber Marin
3. Program Pertanian Bandar Berskala Kecil

ISU DAN CABARAN

Dalam mendepani penularan wabak COVID-19, terdapat beberapa isu dan cabaran yang telah dihadapi. Antaranya ialah kekangan untuk melaksanakan program-program yang memerlukan penglibatan komuniti seperti Program Pembangunan Komuniti, Program Hari Bertemu Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan.

Ekspektasi masyarakat terhadap LADA bagi melaksanakan bidang tugas dan tanggungjawab jabatan serta agensi lain juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi. Berdasarkan statistik, 52% aduan yang diterima oleh LADA adalah berkaitan fungsi dan tanggungjawab agensi serta jabatan lain di Langkawi. Namun begitu, UKK mengamalkan *'No wrong door policy'* dalam menguruskan aduan dengan menghubungi agensi atau jabatan berkaitan bagi mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan.

BAB 9

PRESTASI SEKTOR PELANCONGAN LANGKAWI

- Langkawi UNESCO Global Geopark
- Promosi Pelancongan Antarabangsa dan Domestik
- MICE *(Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions)*
- Jaringan Penerbangan
- Pembangunan Industri
- Acara Pelancongan Raih Kedatangan Pelancong

Industri pelancongan merupakan salah satu penyumbang penting kepada ekonomi negara. Bagi Pulau Langkawi, sektor pelancongan ialah nadi ekonomi utama masyarakat setempat. Pewujudan Bahagian Pelancongan bertujuan menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan terunggul di dunia selaras dengan misi dan visi LADA.

Langkawi UNESCO Global Geopark

Langkawi telah diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark yang pertama di Asia Tenggara dengan gelaran Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp). Sejumlah 38 buah tapak geowarisan telah digezet untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan di Langkawi. Tapak geowarisan ini dibuka kepada kunjungan pelancong. Bahagian Pelancongan telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menjadikan LUGGp sebagai salah satu produk geo-pelancongan utama pulau ini.

FORMASI MACHINCHANG

- Antiklin Datai
- Lapisan Silang Pasir Tengkorak
- Fosil Kambria Pulau Jemuruk
- Puncak Machinchang
- Cerun Miring Tanjung Chinchin
- Air Terjun Temurun

Antiklin Datai

Lapisan Silang Pasir Tengkorak

FORMASI CHUPING

- Kepulauan Baki Ujung Buluh
- Dolina Dayang Bunting
- Gua Pasir Dagang
- Fosil Pulau Jong
- Marmar Dayang Bunting

Gua Pasir Dagang

Kepulauan Baki Ujung Buluh

FORMASI SETUL

- Gua Bukit Pinang
- Batu Kapur Pulau Langgun
- Takik Laut Tanjung Dendang
- Fosil Pulau Anak Tikus
- Gua Kelawar
- Pinakel Kilim
- Lipatan Bukit Kechil
- Gua Wang Buloh
- Pantai Teluk Berembang
- Kars Tanjung Rhu

Fosil Pulau Anak Tikus

Gua Wang Buloh

FORMASI SINGA

- Batu Jatuh Tanjung Mali
- Batu Jatuh Pulau Tepor
- Pentas Hakisan Pulau Ular
- Menara Batu Kapur Pulau Singa Kecil
- Fosil Brakiopoda Sungai Itau
- Fosil Brakiopoda Batu Asah
- Lapisan Merah Pulau Rebak
- Sisa Bumbung Gunung Raya

Lapisan Merah Pulau Rebak

Batu Jatuh Pulau Tepor

FORMASI BATU IGNEUS

- Air Terjun Telaga Tujuh
- Sil Granit Teluk Tuba
- Granit Gunung Raya
- Tor Granit Teluk Yu
- Skarn Pulau Bumbun

Tor Granit Teluk Yu

Granit Gunung Raya

GEOTAPAK Lain

- Sesar Kisap
- Mata Air Panas Air Hangat
- Sesar Sungkup Teluk Air Taun
- Gegelang Mahsuri

Gegelang Mahsuri

Sesar Kisap

Bahagian Pelancongan sentiasa berusaha memartabatkan LUGGp sebagai sebuah produk pelancongan semula jadi utama negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Pemantauan Penyelenggaraan Kerosakan

Pada tahun 2020, Bahagian Pelancongan telah melaksanakan pemantauan secara berkala sebanyak 65 kali ke atas geotapak. Pemantauan ini bertujuan untuk melihat tahap kebersihan semasa kawasan geotapak yang dilaksanakan oleh kontraktor pembersihan seperti di kawasan Durian Perangin dan Telaga Tujuh.

Selain itu, terdapat juga kawasan geotapak yang diselia oleh Pembantu Taman/Ladang (Renjer) LADA. Antara tugas yang dilaksanakan ialah kerja-kerja pembersihan dan pengindahan kawasan, pelaporan pemantauan geotapak dan pemantauan keselamatan pengunjung.

Gambar kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sedang dilaksanakan.

2. Pengurusan Lawatan Berpandu Ke Geotapak

Pada tahun 2020, sebanyak lima (5) lawatan telah dilaksanakan yang melibatkan agensi dan jabatan luar iaitu:

Bil.	Perkara	Tarikh
1	Lawatan Bahagian Rancangan Pembangunan Pejabat Projek Zon Utara di Kubang Badak *BioGeo Trail*.	10 Februari 2020
2	Lawatan daripada Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri ke Kilim Karst Geoforest Park.	15 Februari 2020
3	Lawatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor ke Kubang Badak BioGeo Trail.	8 Julai 2020
4	Lawatan YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli.	10 Julai 2020
5	Lawatan Profesor *Emeritus* Dato' Seri Dr. Mazlan binti Othman (Pakar Astrofizik Negara) ke Tanjung Mali dan Gegelang Mahsuri.	29 Disember 2020

Jadual 1: Lawatan Berpandu Ke Geotapak Tahun 2020

3. Program Pemerkasaan Renjer

Program Pemerkasaan Renjer merupakan program tahunan yang diadakan khusus bagi kakitangan Pembantu Taman/Ladang (Renjer) LADA untuk memberi pendedahan daripada segi informasi geologi dan amalan pengurusan lestari. Selain itu, program ini juga penting bagi memantapkan kemahiran *interpersonal* termasuk keyakinan diri serta cara berkomunikasi. Pasukan ini perlu sentiasa bersedia daripada segi kecergasan mental dan fizikal untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

Program ini telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang), Sungai Batu Aspiring Perlis Geopark (Lembah Bujang, Merbok Kedah) dan Perlis Aspiring Geopark pada 17 hingga 19 Disember 2020. Pelaksanaan program ini dilihat tepat pada masanya bagi mempersiapkan renjer sebagai petugas barisan hadapan pelancongan domestik yang telah dijadikan fokus utama negara ketika pandemik COVID-19.

Taklimat berkaitan arkeologi di Malaysia diberikan oleh Pegawai Penyelidik Arkeologi USM

Peserta kursus bergambar kenangan di Galeri Arkeologi USM

Aktiviti di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Merbok, Kedah

Aktiviti eksplorasi Gua Kelam 2, Perlis

4. Program Penghayatan Khazanah Bumi LUGGp

Buat julung kalinya Bahagian Pelancongan telah mengadakan program Penghayatan Khazanah Bumi LUGGp pada 27 hingga 29 Disember 2020. Antara pengisian program ialah seminar *Cosmic Convergence of Arts and Science* pada 28 Disember 2020 bersama tokoh astrofizik negara iaitu Profesor Emeritus Dato' Seri Dr. Mazlan binti Othman. Di samping itu, ahli jemputan lain termasuklah Jailani Abu Hassan, pelukis terkemuka negara serta Sam Gibbs, Pengarah Aerospace Education Services Sdn. Bhd.

Seminar ini berkongsi mengenai ilmu angkasa dan alam semesta yang dapat dipelajari berkaitan batuan angkasa, planet, bintang, tatasuria, galaksi dan nebula melalui penghayatan alam semesta.

Sesi taklimat oleh kakitangan Langkawi National Observatory

Sesi penerangan oleh Professor Dato' Seri Mazlan binti Othman (Tokoh Astrofizik Negara)

Lawatan ke *Dropstone* Tanjung Mali

5. Program Webinar Geopark

Sebanyak dua (2) program webinar geopark telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Program tersebut adalah seperti berikut:

i. Sesi Webinar: Membangun dan Mengurus Geotapak dalam Geopark

Sesi ini telah diadakan pada 23 Jun 2020 menggunakan kaedah atas talian melalui aplikasi Cisco Webex. Webinar ini dianjurkan oleh Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp) dengan kerjasama Jaringan Geopark Indonesia. Ia bertujuan untuk menerangkan tentang pemuliharaan dan pembangunan lestari geotapak, asas warisan geologi, kepentingan geotapak sebagai produk ekopelancongan serta penetapan warisan geologi.

Seramai 148 orang peserta yang terdiri dari Malaysia dan Indonesia telah menyertai sesi webinar ini. Panel webinar ini terdiri daripada pakar-pakar geopark seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo	Timbalan Presiden *Global Geoparks Network*
2.	Profesor Dr. Che Aziz Ali	Pengerusi Kumpulan Warisan Geologi Malaysia
3.	Ir. Budi Martono	Pengurus Besar Gunung Sewu UNESCO Global Geopark
4.	Ir. Hanang Samodra	Peneliti Ahli Utama Badan Geologi, Kementerian ESDM
5.	En. Azmil Munif bin Mohd Bukhari Moderator dari Malaysia	Pengurus Langkawi UNESCO Global Geopark, Pengurus Bahagian Pelancongan LADA Ahli Jawatankuasa Penasihat *Asia Pacific Geopark Network*
6.	Bapak Togu Pardede Moderator dari Indonesia	Timbalan Pengarah *Geology, Mining & Geothermal, BAPPENAS.*

Jadual 2: Senarai Nama Panel Webinar : Membangun Dan Mengurus Geotapak Dalam Geopark

ii. Kluster ASK-APM- Pelancongan Lestari Pasca COVID-19: Meraikan Ilmu, Menghormati Alam, memperkasa masyarakat

Webinar ini telah dianjurkan pada 21 Oktober 2020 dengan kerjasama Akademi Profesor Malaysia. Webinar ini bertujuan untuk berkongsi pandangan berkaitan pelancongan lestari di Malaysia dan khususnya di Langkawi pasca COVID-19.

Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada rakyat Malaysia telah menyertai sesi webinar ini. Panel webinar ini terdiri daripada Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Ketua Kluster Alam Sekitar & Kelestarian, Profesor Dr. Badaruddin Mohamed, Pensyarah USM, Profesor Dr. Norhayati Ahmad dari Pusat Penyelidikan Langkawi, Fakulti Sains dan Teknologi UKM dan Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.



6. Lawatan PLANMalaysia@Johor dan Majlis Daerah Mersing Johor

LADA telah menerima lawatan daripada 37 orang kakitangan, PLANMalaysia@Johor dan Majlis Daerah Mersing pada 9 Julai 2020. Dalam sesi lawatan ini, peserta dibawa melawat Galeri Geopark di Kompleks LADA dan turut diberi taklimat berkaitan Geopark dan pembangunan pelancongan di Langkawi oleh pegawai dari Seksyen Geopark dan Kelestarian, Bahagian Pelancongan.

Lawatan ke Galeri Geopark

Sesi Taklimat

Sesi perbincangan bersama KPE LADA

Penyerahan cenderahati kepada KPE LADA

7. Program Geosite Clean-Up

Program Geosite Clean-Up (GSC) merupakan program pembersihan yang dilaksanakan di 38 buah kawasan geotapak dan kawasan geopelancongan. Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk kesedaran bagi memelihara dan memulihara kawasan geotapak selain menambah ilmu pengetahuan peserta berkenaan keunikan setiap geotapak di Langkawi. Program GSC ini dilaksanakan oleh LADA pada setiap hari Rabu dengan kerjasama SW Corp, E-Idaman Sdn. Bhd., Permuafakatan Mahasiswa/Mahasiswi Langkawi (PEMULA) dan komuniti Langkawi.

Program ini hanya berjaya dilaksanakan sebanyak 17 kali sahaja memandangkan terdapat kekangan seperti PKP yang diisytiharkan oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

8. Program GeoCoral

Program Geopark Coral (GeoCoral) merupakan program pemuliharaan dan pemeliharaan hidupan terumbu karang di sekitar Langkawi. Pelaksanaan program ini bertujuan memupuk kesedaran dan kepentingan pemuliharaan ekosistem marin yang menjadi habitat pelbagai hidupan laut. Program GeoCoral memberi tumpuan kepada aktiviti penanaman semula dan pengalihan terumbu karang ke lokasi yang telah dipilih seperti di Pulau Payar, Pulau Cepu, Pulau Dangli dan Tanjung Dendang. Program ini dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tempoh setahun yang melibatkan kakitangan, komuniti dan pihak berkepentingan.

Bil.	Perkara	Tarikh	Lokasi
1	Program Pendidikan Konservasi Menanam Terumbu Karang. Peserta: 40 orang	20 Oktober 2020	Pulau Jemuruk
2	Program Pendidikan Konservasi Menanam Terumbu Karang. Peserta: 50 orang	19 Disember 2020	Pulau Payar

Jadual 3: Senarai Program Geocoral Bagi Tahun 2020

Peserta bersama-sama dengan terumbu karang yang telah ditanam pada alat khas penanaman

Warga Puspanita LADA yang menyertai Geocoral di Pulau Payar

9. Program Geotalk – Learn N Grow

Bermatlamatkan pendedahan dan pemantapan ilmu pengetahuan peserta, Program Geotalk – Learn N Grow telah dianjurkan. Program ini mengetengahkan keunikan geologi dan biologi di Langkawi UNESCO Global Geopark serta sejarah budaya setempat. Program ini telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali dan melibatkan 41 orang kakitangan LADA.

Bil.	Perkara	Tarikh	Lokasi
1	Program GeoTalk - Program Learn N Grow (Siri 1) Peserta : 10 orang	11 November	Bukit Kilim 1 (110 M)
2	Program GeoTalk - Program Learn N Grow Peserta : 8 orang	18 November	Tanjung Buta
3	Program GeoTalk - Program Learn N Grow Peserta : 10 orang	21 November	Gunung Matchinchang (708 M)
4	Program GeoTalk - Program Learn N Grow (Siri 2) Peserta : 13 orang	1 Disember	Bukit Kilim 1 (110 M)

Jadual 4: Senarai Program Geotalk - Learn N Grow Bagi Tahun 2020

Peserta program di Pucak Bukit Kilim 1

KPE LADA bersama-sama peserta di Pucak Bukit Kilim 1

Peserta program di Tanjung Buta

Program Learn N Grow di Gunung Matchinchang

10. Program GeoVolunteer - Explore Geopark

LADA telah menganjurkan program GeoVolunteer - Explore Geopark bersama Duta Geopark *(GeoAmbassador)* dan Produk Geopark (GeoProduk) pada 28 September hingga 1 Oktober 2020 bertempat di Lembah Kinta, Perak. Program ini telah berjaya memberi pendedahan, menambah pengetahuan dan menjadi platform perkongsian maklumat antara para peserta berkenaan produk-produk yang terdapat di tempat masing-masing.

Lawatan ke Muzium Arkeologi Lengging untuk melihat artifak-artifak berharga

Lawatan ke Gua Tempurung

11. Pameran Perdagangan Antarabangsa World Hospitality, Lifestyle and Entertainment Exhibition & Conference (WHOLE2020)

WHOLE2020 merupakan sebuah platform perniagaan bagi membantu pemain industri hospitaliti untuk memulihkan dan merancakkan semula industri. Pameran ini telah berjaya menarik pembeli domestik dan turut meneroka pasaran eksport negara ASEAN sekali gus mewujudkan perniagaan tanpa sempadan melalui platform e-dagang. Ia telah diadakan dari 10 hingga 12 September 2020 bertempat di Pusat Konvensyen & Arena SPICE, Pulau Pinang.

Pameran ini dianjurkan oleh Syarikat Alpine Group Services iaitu sebuah syarikat pengurusan pameran yang menjadi satu pameran perdagangan antarabangsa yang pertama dianjurkan pada era norma baru. LADA menyertai pameran ini bagi membantu merancakkan semula sektor pelancongan Langkawi.

YB Dato' Sri Hajjah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia melawat ke booth LADA di Pameran Perdagangan Antarabangsa WHOLE2020, Pulau Pinang

Pengunjung yang hadir ke Pameran Perdagangan Antarabangsa WHOLE2020, Pulau Pinang

Pempamer bersama Dato Dato Haji Mohd Khalid bin Harun, Pengerusi Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia di Pameran Perdagangan Antarabangsa WHOLE2020, Pulau Pinang

12. World Earth Heritage Programme

World Earth Heritage Programme merupakan kolaborasi antara LADA dan Underwater World Langkawi (UWL) yang telah dianjurkan dari 20 Disember 2020 hingga 19 Januari 2021. Pameran bersempena ulang tahun ke-25 UWL ini merupakan program perintis kerjasama strategik antara LADA dan UWL untuk promosi konsep *geopark* dan pemasaran silang bagi produk-produk pelancongan di bawah Langkawi UNESCO Global Geopark.

Pengunjung yang hadir ke World Earth Heritage Programme

13. Program School to Geopark

Bahagian pelancongan telah berjaya melaksanakan dua (2) program School to Geopark pada tahun 2020. Program yang maksudkan ialah seperti berikut:

i. The Wonders of Langkawi Geopark

Program ini ialah kerjasama antara Axiata Young Talent Programme (AYTP) 2020 dan pelajar Kolej Yayasan Saad yang dianjurkan secara atas talian *(virtual)* bermula dari 2 hingga 4 November 2020. Matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep *geopark,* kelestarian dan konservasi yang dipraktikkan oleh LUGGp. Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah disertai seramai 121 orang pelajar Kolej Yayasan Saad dan dikendalikan oleh renjer LADA.

ii. Jungle Ambassador Programme

LADA dengan kerjasama strategik Pejabat Pendidikan Daerah telah menganjurkan Jungle Ambassador Programme melibatkan 400 orang pelajar sekolah rendah dari seluruh Malaysia dan Singapura. Program ini diadakan secara atas talian bermula dari 13 hingga 15 Oktober 2020.

Promosi Pelancongan Antarabangsa dan Domestik

Bahagian Pelancongan telah mengadakan beberapa siri program promosi domestik bagi membantu pihak industri pelancongan di Langkawi yang terkesan. Bahagian ini turut menyertai program promosi antarabangsa secara fizikal dan atas talian memandangkan penganjur melaksanakan program secara *hybrid*. Senarai program promosi adalah seperti berikut:

Bil	Program Promosi	Fokus Pasaran	Tarikh
1	Outbound Travel Mart (OTM), Mumbai 2020 India	India	3 - 5 Februari 2020
2	Adventure Travel Conference & Mart (ATCM), Sutera Habour Resort, Kota Kinabalu	Asia Tenggara	12 - 14 Februari 2020
3	Qatar Airways Roadshow to Doha & Medina	Saudi Arabia & Qatar	21 - 25 Februari 2020
4	Jeddah International Travel & Tourism Exhibition (JTTX)	Saudi Arabia	26 - 28 Februari 2020
5	Internationale Tourismus-Börse Berlin (ITB Berlin) (Online)	Eropah	4 - 9 Mac 2020
6	Seminar Agro Tourism Anjuran MAEPS, Serdang di Hotel Bayview Langkawi	Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor	3 - 4 Mac 2020
7	Arabian Travel Market (ATM Dubai) (Online)	Timur Tengah	19 - 22 April 2020
8	Webinar Jakarta Siri 1 (Online)	Indonesia	23 Julai 2020
9	Langkawi Travel Fair di Sunway Pyramid	Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor	21 - 23 Ogos 2020
10	Program B2B di Taman Tasik Putrajaya	Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor	24 Ogos 2020
11	Langkawi Travel Fair di Bangsar Village 2	Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor	28 - 30 Ogos 2020
12	Webinar Jakarta Siri 2 (Online)	Indonesia	8 September 2020
13	Langkawi Travel Fair di IOI Mall Putrajaya	Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor	4 - 6 September 2020
14	Travel Mumbai Webinar	India	15 Oktober 2020
15	Promosi Langkawi di Billboard Jakarta (Langkawi Welcomes You)	Indonesia	November 2020 – Disember 2021

Jadual 5: Senarai Program Promosi Pelancongan Antarabangsa Dan Domestik

Promosi Antarabangsa

Perjumpaan bersama agensi pelancongan India semasa OTM, India

Penyertaan LADA ke OTM, India

Penyertaan LADA di JTTX, Saudi Arabi

Sesi B2B di Doha, Qatar

Promosi Domestik

YBhg Dr. Hezri Adnan melawat *booth* Naturally Langkawi di Sunway Pyramid

Pelancaran Langkawi x Mycar di Langkawi Travel Fair, IOI City Mall

Pemenang Cabutan Bertuah

Sebahagian *booth* yang di sertai oleh pemain industri Langkawi di Sunway Pyramid

Booth keseluruhan dari pandangan atas di Sunway Pyramid

Gambar peserta yang terlibat di Langkawi Travel Fair

Sesi B2B Networking di antara industri pelancongan Langkawi dan agensi pelancongan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor serta badan kerajaan

Pemenang *Lucky Draw* di IOI City Mall

Barisan penari beserta maskot OBIT

Persembahan kebudayaan di IOI City Mall

MICE

(Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions)

LADA menyediakan insentif MICE kepada kumpulan dengan syarat kelayakan minimum seperti menginap di Langkawi selama tiga (3) malam dengan jumlah kehadiran tidak kurang daripada 80 orang ahli. Tujuan inisiatif ini diwujudkan adalah untuk membantu menjana ekonomi industri pelancongan terutamanya kepada penduduk tempatan.

Inisiatif ini juga secara tidak langsung dapat mempromosikan produk-produk pelancongan yang bersesuaian serta percutian yang menarik yang terdapat di Pulau Langkawi seperti Paradise 101, Sky Cab, Air Hangat Village, Tasik Dayang Bunting dan sebagainya. Pengalaman unik yang dilalui sepanjang tempoh berada di Langkawi akan dikongsi bersama kenalan serta keluarga apabila mereka pulang. Selain itu, perkongsian di media sosial oleh kumpulan ini juga mampu menarik pelancong lain untuk berkunjung ke Langkawi.

Pandemik COVID-19 sedikit sebanyak menjejaskan sektor pelancongan domestik dan antarabangsa. Memandangkan pintu sempadan antarabangsa ditutup bermula bulan Mac 2020 akibat PKP, kumpulan insentif antarabangsa tidak dapat menjalankan aktiviti mereka di Langkawi. Sepanjang tahun 2020 sebanyak lapan (8) Kumpulan MICE telah memohon insentif MICE seperti senarai di bawah:

Bil.	Tarikh	Program	Bil. Peserta	Penganjur
1	6 - 10 Januari 2020	Incentive Group from India	90	Zenith Holidays
2	1 - 11 Februari 2020	Netherland Series Group/ Krass - Netherland	344	Panorama Holidays (Malaysia) Sdn. Bhd.
3	9 - 11 Mac 2020	Mesyuarat Tahunan Pakar-pakar Psikiatri KKM	75	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
4	29 Mac - 2 April 2020	Polish Incentive Group	90	Discover Holidays (Asia) Pte. Ltd.
5	23 - 25 Oktober 2020	Kumpulan Korporat AAA Greencell Sdn. Bhd.	100	Syarikat Travel Smart Vacation Sdn. Bhd.
6	11 - 14 Disember 2020	Kumpulan PEJUTA Bersama Pentadbir Tanah Negeri Kedah	120	Trip Eazy (M) Sdn. Bhd.
7	19 Disember 2020	Penerbangan Sulung dari Kota Bharu ke Langkawi	120	Air Asia Berhad
8	21 Disember 2020	Penerbangan Sulung dari Ipoh ke Langkawi	130	Air Asia Berhad

Jadual 6: Senarai Program MICE Tahun 2020

Jaringan Penerbangan

Pada tahun 2020, jumlah penerbangan terus ke Langkawi ialah sebanyak 195 kali seminggu. Dua (2) laluan domestik yang baru telah diperkenalkan iaitu Ipoh ke Langkawi dan Kota Bharu ke Langkawi oleh Syarikat Penerbangan AirAsia. Selain itu, terdapat sebanyak 54 penerbangan sewa khas ke Langkawi telah dicatatkan seperti berikut:

Bil.	Penerbangan Sewa Khas	Jumlah Penerbangan
1.	Almaty, Kazakhstan	3
2.	Manchester, United Kingdom	5
3.	Gatwick, United Kingdom	5
4.	Birmingham, United Kingdom	5
5.	Nanjing, China	4
6.	Ningbo Lishe, China	3
7.	Kunming, China	18
8.	Chengdu, China	11

Jadual 7: Penerbangan Sewa Khas Bagi Tahun 2020

LADA giat menjalinkan kerjasama dengan syarikat penerbangan dalam usaha meningkatkan jumlah kedatangan pelancong. Antara kejayaan yang telah dicapai ialah kerjasama dengan syarikat penerbangan utama Qatar Airways, Malaysia Airlines, AirAsia, Firefly, China Southern Airlines, Malindo dan Scoot Tigerair ke Langkawi. LADA turut bekerjasama dengan syarikat penerbangan antarabangsa bagi menghubungkan Langkawi dengan destinasi antarabangsa lain seperti SCAT Airlines, Tui Airways, Turkish Airlines dan Finnair.

Qatar Airways juga telah membuka laluan baru dari Doha ke Langkawi bermula pada 15 Oktober 2019 yang lalu dengan empat (4) kali penerbangan seminggu. Laluan baru ini telah berjaya meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dari Eropah (Northern Europe dan Eastern Europe), seperti daripada negara-negara Scandinavia dan Baltic (Norway, Sweden, Republic Czech, Bulgaria dan Lithuania). Kategori pelancong ini mempunyai kuasa membeli yang tinggi dan dijangka dapat meningkatkan pendapatan di Langkawi.

Pada tahun 2020, jaringan kerjasama ini dilaksanakan melalui *smart partnership* dalam kerja-kerja promosi seperti penganjuran acara, FAM Trip, digital & pemasaran tradisional dan lain-lain. Jalinan kerjasama di antara LADA dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah dilaksanakan dalam usaha membida Persidangan Routes Asia 2021 ke Langkawi. Routes Asia merupakan persidangan penerbangan yang terbesar di Asia dengan menemukan 1,000 orang penggiat industri penerbangan seluruh dunia daripada syarikat penerbangan, pengurusan lapangan terbang, badan kerajaan dan penggiat industri pelancongan bagi membincangkan laluan baru atau meningkatkan jumlah kekerapan penerbangan bagi laluan sedia ada.

Sambutan Penumpang Air Asia Berhad bagi Penerbangan Sulung Ipoh ke Langkawi pada 19 Disember 2020

Sambutan Penumpang Air Asia Berhad bagi Penerbangan Sulung Kota Bharu ke Langkawi pada 21 Disember 2020

Pembangunan Industri

Dalam usaha memantapkan sektor pelancongan di Langkawi, penekanan diberikan kepada pembangunan sektor pelancongan dalam pelbagai aspek terutamanya produk, perkhidmatan dan juga fasiliti pelancongan yang melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan pemain industri. Bagi merealisasikan usaha ini, beberapa inisiatif telah diperkenalkan sepanjang tahun 2020 seperti berikut:

1. Assembly of Langkawi Frontliners (ALF)

ALF merupakan platform perkongsian pandangan dan perbincangan berkaitan isu-isu pelancongan di Langkawi. Perjumpaan ini disertai oleh ketua-ketua pemain industri pelancongan di pulau ini.

Bil.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1.	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 1/2020	19 Februari 2020	Tanjung Rhu Resort	50
2.	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 2/2020	4 Jun 2020	Tanjung Rhu Resort	15
3.	Assembly of Langkawi Frontliners Siri 3/2020	14 Julai 2020	Kompleks LADA	10

Jadual 8: Siri Assembly Of Langkawi Frontliners (ALF) Tahun 2020

Pengerusi Bersama LADA (YB. Johari Bulat), YBhg. Dr. Hezri Adnan (KPE LADA) dan En. Azmil Munif Mohd Bukhari (Pengurus Pelancongan) dalam program Assembly of Langkawi Frontliners Bil.1/2020

Sesi soal jawab oleh penggiat industri di Langkawi sempena Assembly of Langkawi Frontliners 2020

2. Sesi Libat Urus Pemain Industri Pelancongan

Sebanyak lima (5) sesi libat urus bersama pemain industri telah dilaksanakan pada tahun ini. Sesi ini bertujuan untuk membincangkan hala tuju pelancongan Langkawi dalam menghadapi krisis yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.

Bil.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1	Mesyuarat Cruise Council Bil 1/2020	19 Februari 2020	Kompleks LADA	20
2	Perjumpaan Bersama Konsortium Feri Langkawi	07 Jun 20	Kompleks LADA	35
3	Perjumpaan Bersama Pengusaha Premis Bebas Cukai Langkawi	16 Ogos 2020	Goldsands Hotel	30
4	Program Guided Tour ke Produk Pelancongan - Kerjasama Bersama LTGA	12 Ogos 2020	Langkawi	80
5	Tourism Town Hall Session 2020	23 Disember 2020	Langkawi International Convention Centre (LICC)	120

Jadual 9: Sesi Libat Urus Pemain Industri Pelancongan Tahun 2020

Sesi Libat Urus Bersama Pemaian Industri Pelancongan

3. Kursus Certificate Of Tourism Related Education (CTRE)

Kursus ini dilaksanakan bagi memantapkan lagi pengetahuan pemandu pelancong di Langkawi. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mensyaratkan kursus ini sebagai salah keperluan untuk pembaharuan lesen pemandu pelancong. Sebanyak 10 kursus CTRE telah dijalankan dengan kerjasama LADA dan LTGA dari Januari hingga Disember 2020.

Bil.	Nama Program	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1.	Lowland of Pahang	10 Februari 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	40
2.	Kuala Kangsar Royal Town	11 Februari 2020	Dewan Besar Kompleks LADA	40
3.	King Rama 5	19 Februari 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	40
4.	Road to Revalidation	10 Jun 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	25
5.	Crocodile Adventureland	17 Jun 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	25
6.	Mitos Pulau Langkawi	19 Julai 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	30
7.	Keunikan Pulau Langkawi	22 Julai 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	30
8.	Kepentingan Pertanian	14 Ogos 2020	Adya Hotel, Langkawi	40
9.	Interesting Facts about The Malaysian Army	9 September 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	35
10.	The Malayan Emergency	10 September 2020	Dewan Besar, Kompleks LADA	35

Jadual 10: Senarai Kursus CTRE Tahun 2020

Peserta sedang diberikan taklimat oleh penceramah jemputan

4. Pembangunan Produk

Pada tahun 2020, terdapat kekangan terhadap pembangunan produk baru susulan langkah-langkah pencegahan penularan wabak yang telah dikuatkuasakan. Namun begitu, terdapat dua (2) buah produk baru telah berjaya dibangunkan yang berpotensi untuk dipasarkan bagi memastikan Langkawi terus relevan sebagai destinasi pelancongan pilihan di Malaysia.

i. Kuah Down To Memory Lane Guide Book

Majlis pelancaran produk ini telah dilaksanakan di Adya Hotel pada 14 Ogos 2020 dengan penglibatan seramai 200 orang peserta. Produk ini merupakan inisiatif di bawah teras Pelancongan Seni & Budaya, Pelan HELANG yang berkonsepkan pakej lawatan bersama pemandu pelancong ke lokasi bersejarah di sekitar pekan Kuah, Langkawi.

Pelancaran *Guide Book "Kuah Down to Memory Lane"* pada 14 Ogos 2020

Majlis Pelancaran Langkawi Great Sale 2020

ii. Langkawi Street Art 2.0

Program ini merupakan lanjutan daripada program perintis pada tahun 2018. Berkonsepkan seni jalanan, beberapa buah bangunan telah dipilih sebagai lokasi lukisan mural yang bertemakan legenda Langkawi dan Langkawi UNESCO Global Geopark. Tujuan pembangunan produk ini adalah untuk mengembalikan semula keindahan Pekan Pandak Mayah disamping menjadi lokasi bergambar bagi pelancong. Majlis pelancaran telah diadakan pada 24 Disember 2020 dan telah dihadiri oleh 100 orang pengunjung. Projek ini telah mendapat sokongan dari Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan Balai Seni Negara Cawangan Langkawi.

Upacara memotong reben sempena perasmian Street Art 2.0 oleh Pengarah Balai Seni Negara, Yang Dipertua MPLBP dan Ketua Pegawai Eksekutif LADA di Pekan Pandak Mayah, Kuah

Sesi penerangan berkaitan Street Art 2.0 oleh Pengarah Balai Seni Negara

5. Kursus Peningkatan Kemahiran Pemain Industri Pelancongan

Kursus ini merupakan program kerjasama antara LADA dengan Akademi Pelancongan Langkawi (LTA). Ia dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pemain industri untuk mempelbagaikan kemahiran dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan di Langkawi. Seramai 80 orang peserta telah menyertai kursus ini dari 6 hingga 16 Julai 2020 bertempat di LTA. Berikut adalah kursus-kursus yang telah dilaksanakan:

Kursus Peningkatan Kemahiran Pemain Industri Pelancongan

1. **Kursus Pastry & Bakery**
2. **Kursus Housekeeping**
3. **Kursus Masakan Nasi Bertema**
4. **Kursus Masakan Street Food**
5. **Kursus Kuih Muih Tempatan**
6. **Kursus Asas Mocktail & Western Food Preparation**

Sesi pembelajaran

Upacara penyampaian sijil penyertaan kepada peserta kursus

6. Program Familiarization Trip (FamTrip)

Program Familiarization Trip (FamTrip) merupakan sebahagian daripada inisiatif yang diperkenalkan bagi menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Langkawi. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif-inisiatif untuk mempromosikan Langkawi di pasaran antarabangsa.

Bagi memberikan pendedahan tentang keunikan pulau ini, para peserta di bawa melawat produk-produk pelancongan yang terdapat di Langkawi seperti Langkawi SkyCab, SkyBridge, 3D Art Museum, Mangrove Tour, Sunset Dinner Cruise dan Umgawa Legendary Adventure.

Sebanyak 20 program FamTrip telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

FamTrip penggambaraan video promosi E-Sport Tourism

FamTrip Bersama Media Blogger Siakap Keli Press

Famtrip travel influencer Josh Bender di Langkawi

SENARAI *FAMTRIP* 2020

JANUARI

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
19 - 24 Jan 2020	FamTrip Media Itali - Kerjasama dengan Qatar Airways	10

FEBRUARI

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
5 - 12 Feb 2020	FamTrip Ejen Pengembaraan Sarajevo - Kerjasama dengan Qatar Airways	10
6 - 11 Feb 2020	FamTrip Ejen Pengembaraan Perancis - Kerjasama dengan Qatar Airways	11
7 - 11 Feb 2020	FamTrip Ejen Pengembaraan Tunisia - Kerjasama dengan Qatar Airways	10
7 - 12 Feb 2020	FamTrip Journalist Scandinavia - Kerjasama dengan Qatar Airways	8
24 - 29 Feb 2020	Penggambaran Filem oleh Syarikat Avex Group Holding - Kerjasama dengan Tourism Malaysia Tokyo	10

MAC

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
4 - 8 Mac 2020	FamTrip Wartawan Sweden – Kerjasama dengan Qatar Airways	1
2 - 14 Mac 2020	Penggambaran Dokumentari 'Langkawi Terbang Tinggi'	12
9 - 12 Mac 2020	Penggambaran Rancangan Realiti Asakan Roda	7

JULAI

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
6-8 Julai 2020	Penggambaran bagi Program Majalah Televisyen untuk Siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM)	10

OGOS

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
26-29 Ogos 2020	FamTrip bagi Mempromosikan Langkawi Melalui Media Sosial bersama Selebriti Putri Aisyah	5

SEPTEMBER

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
7 - 11 Sep 2020	FamTrip Media Sempena 'Langkawi Great Sales'	12
10 - 19 Sep 2020	Penggambaran Telefilem 'Misteri Akil Balik'	30
24 - 27 Sep 2020	Cadangan Mengadakan Program bagi Mempromosikan Langkawi melalui Media Sosial	6

OKTOBER

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
28 Okt - 2 Nov 2020	FamTrip bersama Balai Seni Negara Cawangan Langkawi Sempena Program Seni 'Wacana: Warna-Warna Batik'	15

NOVEMBER

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
8 - 21 Nov 2020	Penggambaran Drama Bersiri Bertajuk 'Hatimu Sedingin Salju' Siaran TV3	30
25 - 29 Nov 2020	Penggambaran Muzik Video 'Egois' Qody Rani	12
25 Nov - 15 Jan 2021	Penggambaran Drama Bersiri Bertajuk 'Hari Kita Jatuh Cinta'	30

DISEMBER

Tarikh	Perkara	Bilangan Peserta
2 - 6 Dis 2020	Penggambaran Video Promosi E-Sport Tourism Langkawi	18
21 - 24 Dis 2020	FamTrip bersama Media Blogger Siakap Keli Press	2

Acara Pelancongan Raih Kedatangan Pelancong

Acara pelancongan dan sukan merupakan faktor utama yang menarik kunjungan ke Langkawi. Sebanyak 24 acara telah disasarkan untuk dilaksanakan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, penularan wabak pandemik COVID-19 telah merencatkan perancangan dan penganjuran acara-acara tersebut. Secara keseluruhannya, sebanyak sembilan (9) acara telah berjaya dianjurkan pada tahun 2020 dengan perincian seperti berikut:

1. The Royal Langkawi International Regatta 2020

Acara peringkat antarabangsa ini merupakan acara tahunan sukan pelancongan perahu layar berprestij yang secara langsung mempromosikan Langkawi kepada pelayar antarabangsa. Acara ini telah berlangsung dari 6 hingga 11 Januari 2020 bertempat di Royal Langkawi Yacht Club anjuran kelab tersebut bersama LADA.

2. KFC Langkawi International Regatta 2020

Penganjuran acara antarabangsa kali yang ke-17 ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai kejohanan bertaraf ISAF Gred 3 dan merupakan kejohanan terbesar di Asia Tenggara. Sebanyak 13 kategori telah dipertandingkan dengan penyertaan 30 pasukan dan 650 orang pelayar dari pelbagai negara. Acara ini telah berlangsung dari 15 hingga 19 Januari 2020 bertempat di Pusat Perahu Layar Kebangsaan Langkawi. Ia merupakan anjuran Persatuan Perahu Layar Kedah dan Persatuan Pelayaran Malaysia dengan pelbagai agensi di Langkawi.

3. Le Tour De Langkawi 2020

Kejohanan antarabangsa anjuran Human Voyage Sdn. Bhd. pada tahun ini merupakan edisi yang ke-25. Meliputi laluan sepanjang 1,200km dengan lapan (8) peringkat perlumbaan, kejohanan ini disertai oleh 123 orang pelumba daripada 21 pasukan. Acara ini telah berlangsung dari 14 hingga 15 Februari 2020.

4. Langkawi Ultra 2020

Acara ini merupakan satu pertandingan larian jarak jauh dengan pengenalan lima (5) kategori iaitu 5km, 10km, 21km, 50km dan 100km. Kejohanan ini merupakan anjuran bersama LADA dan My Ultra Running yang telah berlangsung dari 29 Februari hingga 1 Mac 2020. Bermula di Resort World Langkawi, larian ini telah disertai oleh 875 orang peserta.

5. FIVB Beach Volley Ball World Tour 2020

Penganjuran kali keempat kejohanan ini telah berlangsung dari 12 hingga 15 Mac 2020 di Pantai Tengah Langkawi. Kejohanan ini merupakan siri kejohanan yang ketiga pada peringkat dunia selepas kejohanan Olimpik dan World Championship. Sebanyak 52 pasukan lelaki dan wanita dari 21 buah negara telah menyertai kejohanan anjuran E-Plus Global Sdn. Bhd. ini.

6. Go Langkawi 6hr Endurance Race 2020

Perlumbaan berkonsepkan *endurance* iaitu perlumbaan karting selama enam (6) jam tanpa henti. Penganjuran kali ini telah berjaya menarik penyertaan sembilan (9) pasukan profesional dan satu (1) pasukan amatur dengan penglibatan 45 orang pelumba. Acara ini telah dianjurkan oleh Amprex Langkawi Circuit Sdn. Bhd. dan berlangsung dari 13 hingga 15 November 2020 di MORAC Adventure Park, Langkawi.

7. Langkawi Cyberisland E-Sport Tournament

Buat julung kalinya, LADA dengan kerjasama Kelab Belia & Sukan Negeri Kedah dan Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia telah menganjurkan Langkawi Cyberisland E-Sport Tournament. Pertandingan ini dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform PUBG. Dua (2) kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka PUBG dan Kategori Tertutup PUBG dengan penyertaan sebanyak 64 pasukan bagi setiap kategori. Kejohanan yang telah berlangsung dari 18 hingga 20 Disember 2020 ini berjaya meraih penglibatan seramai 640 orang peserta.

8. Festival Kraf Komuniti Usahawan dan Kebudayaan 2020

Festival ini diadakan bagi membantu industri pelancongan serta komuniti bagi menambahkan pendapatan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Acara ini telah disertai oleh usahawan-usahawan, penggiat pelancongan dan penggiat seni kraf tangan Langkawi. Melalui kerjasama Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), festival ini telah dianjurkan dari 17 hingga 20 Disember 2020 di Dataran Chenang.

Penyampaian sijil penyertaan kepada pempamer sempena Karnival Kraf Komuniti Usahawan dan Kebudayaan 2020

YBhg. Dr. Hezri Adnan sedang melakukan imbasan kod MySejahtera sempena Karnival Kraf Komuniti Usahawan dan Kebudayaan 2020

9. Lawn Bowls International Mahsuri Cup 2020

Kejohanan ini telah melibatkan sebanyak 24 pasukan yang terdiri daripada pasukan kebangsaan, negeri dan daerah. Dua (2) kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Cup Division dan Kategori Plate Division. LADA telah bekerjasama dengan Persatuan Lawn Bowls Malaysia dan Persatuan Lawn Bowls Kedah bagi menganjurkan kejohanan ini di Arena Lawn Bowls, Kompleks Sukan LADA dari 21 hingga 26 Disember 2020.

Upacara penyampaian hadiah kepada pemenang kejohanan Lawn Bowls International Mahsuri Cup 2020 oleh Tn. Haji Rohaizad b. Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA

Peserta kejohanan Lawn Bowls International Mahsuri Cup 2020 sedang beraksi di padang

ISU DAN CABARAN

Sektor pelancongan Malaysia terutamanya pelancongan Pulau Langkawi telah mengalami perubahan yang ketara ekoran pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak bulan Mac 2020. Pandemik ini menyebabkan perancangan program, aktiviti promosi dan acara pelancongan terpaksa ditangguhkan dan dibatalkan kerana pelaksanaan PKP sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan.

BAB 10

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK

- Pengurusan Projek Pembangunan
- Pelaksanaan Projek Pembangunan
- Lawatan Penanda Aras Teknikal

Berteraskan visi dan misi untuk memenuhi keperluan pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, Unit Pemantauan dan Pelaksanaan (DMO) dan Bahagian Kejuruteraan Teknikal bertanggungjawab sepenuhnya bagi memantau dan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan di bawah Rancangan Malaysia. Projek hendaklah dilaksanakan mengikut kos, kualiti dan masa yang telah ditetapkan. Justeru, penekanan turut diberikan terhadap usaha memenuhi kehendak pelanggan serta menepati konsep 'nilai untuk wang' *(value for money)* dan 'sesuai untuk tujuan' *(fit for purpose)* yang menjadi teras utama pembangunan Pulau Langkawi.

Pengurusan Projek Pembangunan

Pembangunan lestari sentiasa menjadi objektif utama LADA dalam melaksanakan pelbagai program dan projek inisiatif Rancangan Malaysia serta Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL). Dalam hal ini, LADA telah menggunakan kaedah pemantauan dan intervensi bagi memastikan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual. Tanggungjawab pemantauan pelaksanaan projek pembangunan ini dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian Kejuruteraan Teknikal, manakala pelaporan pemantauan disediakan oleh DMO.

Berikut merupakan senarai projek pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2020:

Bil.	Nama Projek	Status projek
1.	Penggantian Pontoon dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi.	Dalam Pelaksanaan
2.	Kerja Membina Jambatan Sungai Perangin yang Baharu di Oriental Village.	Dalam Pelaksanaan
3.	Pembinaan Jalan dari Kuala Temonyong ke Telok Baru dan Pantai Tengah.	Dalam Pelaksanaan
4.	Kerja Meroboh dan Membuang Sisa Binaan Jeti Pulau Anak Tikus, Pulau Langgun di Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat.	Siap
5.	Kerja Meroboh dan Membuang Sisa Binaan Jeti di Gua Langsir, Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat.	Siap
6.	Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah.	Pra Pelaksanaan
7.	Projek Menaik Taraf Tandas dan Menggantikan Sistem Pembetungan di Tasik Dayang Bunting.	Dalam Pelaksanaan
8.	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Gua Cherita.	Dalam Pelaksanaan
9.	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Teluk Mempelam, Pulau Langgun.	Dalam Pelaksanaan
10.	Projek Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Lot Asal 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka.	Dalam Pelaksanaan

Jadual 1: Projek Pembangunan LADA Tahun 2020

Pelaksanaan Projek Pembangunan

Projek-projek fizikal LADA dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu secara dalaman atau lantikan perunding. Walau bagaimanapun, projek yang berkompleksiti tinggi akan dilaksanakan oleh agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan Saliran (JPS) mengikut Pekeliling, Arahan Pekeliling (AP) 182 dan Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

Walaupun terdapat kekangan akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP, LADA telah berjaya melaksanakan 21 projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Lembaga Pengarah LADA. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak RM12.4 juta berbanding perbelanjaan pada tahun 2019 yang berjumlah RM7.74 juta.

Pecahan perbelanjaan projek mengikut sumber peruntukan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:



Rajah 1: Pecahan Perbelanjaan Projek Mengikut Sumber Peruntukan Tahun 2019 dan 2020

Berikut adalah pecahan perbelanjaan projek mengikut pengkhususan sektor pembangunan bagi tahun 2020:

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Jumlah
1.	Infrastruktur	RM6.5 juta
2.	Komuniti	RM0.2 juta
3.	Bangunan	RM3.3 juta
4.	Pelancongan	RM2.4 juta

Jadual 1: Projek Pembangunan LADA Tahun 2020

Secara keseluruhan, sebanyak 18 projek pembangunan telah dilaksanakan pada tahun 2020. 11 projek (61%) telah berjaya disiapkan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM2.6 juta. Tujuh (7) projek (39%) dengan jumlah kos projek sebanyak RM96.7 juta masih dalam proses pembinaan.

Berikut ialah perincian projek yang telah berjaya disiapkan:

Bil.	Projek	
1	Pembersihan Kawasan Bahu Jalan di Jalan Belakang Kompleks Sukan Langkawi dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Kuah. Tarikh Siap: 24 Disember 2020 Kos Projek: RM34,800.00	
2	Kerja Membekal dan Memasang Platform serta Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Jeti Selat Bagan Nyior, Pulau Dayang Bunting. Tarikh Siap: 26 November 2020 Kos Projek: RM245,500.00	
3	Pemasangan Pagar dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan atas Tanah LADA di Kawasan Teluk Yu, Mukim Ayer Hangat. Tarikh Siap: 30 April 2020 Kos Projek: RM165,837.50	
4	Kerja Membina Tangki Air di Tandas dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Telaga Tujuh. Tarikh Siap: 14 Disember 2020 Kos Projek: RM89,940.00	

Bil.	Projek	
5	Kerja Menaik Taraf Muzium Padi dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan. Tarikh Siap: 14 Disember 2020 Kos Projek: RM366,551.40	
6	Kerja Membina Tangga dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Tanjung Mali, Chenang. Tarikh Siap: 7 Disember 2020 Kos Projek: RM113,510.00	
7	Kerja Menaik Taraf Telaga Harbour Park dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan. Tarikh Siap: 6 Disember 2020 Kos Projek: RM740,000.00	
8	Kerja Menyelenggara Lampu Jalan dan Lampu Hiasan Milik LADA serta Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan. Tarikh Siap: 31 Disember 2020 Kos Projek: RM447,040.00	
9	Kerja Pembersihan dan Penyelenggaraan untuk Tempoh Setahun (2020) di Loji Pembetungan Taman Nilam. Tarikh Siap: 31 Disember 2020 Kos Projek: RM283,030.00	
10	Kerja Menaik Taraf Kemudahan Surau Sekolah Kebangsaan Langkawi. Tarikh Siap: 20 Oktober 2020 Kos Projek: RM29,865.50	
11	Kerja Pembinaan Tempat Meletak Kenderaan, Jalan Masuk dan Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Jeti Nelayan Kilim, Kuah. Tarikh Siap: 5 Disember 2020 Kos Projek: RM89,511.00	

Jadual 3: Perincian Projek Yang Telah Berjaya Disiapkan Tahun 2020

Berikut pula ialah perincian projek yang masih berada dalam peringkat pelaksanaan:

Bil.	Projek	
1	Kerja-kerja Tambahan di Pelabuhan Kargo Am dan Labuhan Pukal Kering Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi. Tempoh Kontrak: 19 November 2020 - 18 Mei 2022 Kos Kontrak: RM2.1 juta	
2	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Gua Cherita. Tempoh Kontrak: 19 November 2020 - 4 Mei 2022 Kos Kontrak: RM4.1 juta	
3	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Teluk Mempelam, Pulau Langgun. Tempoh Kontrak: 19 November 2020 - 4 Mei 2022 Kos Kontrak: RM3.5 juta	
4	Kerja Membina Jambatan Sungai Perangin yang Baharu di Oriental Village. Tempoh Kontrak: 30 Oktober 2020 - 28 April 2022 Kos Kontrak: RM7.9 juta	
5	Projek Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Lot Asal 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka. Tempoh Kontrak: 10 Jun 2020 - 7 Disember 2021 Kos Kontrak: RM7 juta	
6	Kerja Membaik Pulih dan Menaik Taraf Auditorium, Ruang Pejabat serta Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Kompleks LADA Tempoh Kontrak: 19 Ogos 2019 - 20 Februari 2021 Kos Kontrak: RM4.4 juta	
7	Pembinaan Jalan dari Kuala Temonyong ke Telok Baru dan Pantai Tengah. Tempoh Kontrak: 24 Januari 2018 - 17 November 2021 Kos Kontrak: RM67.7 juta	

Jadual 4: Perincian Projek Yang Masih Dalam Peringkat Pelaksanaan Tahun 2020

Lawatan Penanda Aras Teknikal

Beberapa lawatan penanda aras telah diatur bagi memantapkan pengetahuan warga kerja Bahagian Kejuruteraan Teknikal. Lawatan-lawatan ini juga bertujuan memberikan pendedahan secara langsung mengenai teknologi baharu dan kaedah pembinaan yang terbaik. Proses pembelajaran secara amali dapat melatih dan meningkatkan kemahiran serta ilmu peserta lawatan-lawatan tersebut yang boleh diaplikasikan dalam pelaksanaan projek, terutamanya semasa kerja pemantauan tapak. Lawatan-lawatan yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Lawatan	Tarikh
1.	Lawatan ke Projek Marina Pengkalan Gawi dan Jambatan ke Pulau Poh di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.	23 Februari 2020
2.	Lawatan ke Jambatan Angkat *(Drawbridge)* Kuala Terengganu.	23 Februari 2020
3.	Lawatan ke Kilang Pembekal Precast Compressed Concrete Slab di Kuala Terengganu.	24 Februari 2020

Jadual 5: Lawatan Yang Telah Berjaya Dilaksanakan Tahun 2020

ISU DAN CABARAN

Tahun 2020 adalah tahun yang amat mencabar kepada seluruh dunia termasuklah sektor pembinaan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Projek-projek pembinaan di bawah seliaan LADA turut terkesan, khususnya sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Sebagai contoh, tempoh bagi menyiapkan beberapa projek terpaksa dilanjutkan. Bekalan bahan binaan turut lewat tiba ke tapak pembinaan, selain terdapat beberapa projek yang juga terpaksa ditangguhkan. Di samping itu, tenaga buruh mahir juga menjadi amat terhad memandangkan ramai yang perlu pulang ke tempat asal. Namun, dengan perancangan dan pemantauan yang berkesan, pengurusan dan pelaksanaan sebahagian projek pembangunan tetap berjaya disiapkan.

BAB 11

PEMBANGUNAN DAN PELABURAN PEMANGKIN SEKTOR PELANCONGAN

- Perancangan Pembangunan
- Pengurusan Tanah
- Kawalan Projek Pembangunan
- Pemantauan Projek Pelaburan Swasta
- Jalinan Kerjasama Agensi Kerajaan dan Swasta

Pembangunan kemudahan infrastruktur pelancongan disediakan bagi memasarkan dan menonjolkan produk pelancongan di Langkawi. Aktiviti pembangunan dan kemajuan pembangunan pelancongan menjadi agenda utama LADA kerana sektor pelancongan merupakan aktiviti ekonomi utama Langkawi. Konsep pembangunan pelancongan yang dilaksanakan menekankan kerjasama pintar bersama pihak swasta sebagai penggerak utama. Penekanan ini penting bagi memastikan keterlibatan pihak kerajaan terutama LADA dapat dikurangkan agar tidak terhad sekadar dalam pembangunan pelancongan.

Perancangan Pembangunan

Dalam usaha meningkatkan semula kualiti dan imej produk pelancongan milik LADA, Bahagian Perancangan (BP) telah mengemukakan beberapa cadangan pembangunan pelancongan yang baharu seperti berikut:

Dua (2) pembangunan pelancongan yang telah mula dilaksanakan ialah:

i. Pembangunan River Park

River Park Kuala Sungai Melaka merupakan salah sebuah kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan, riadah dan aktiviti komuniti. Kawasan ini mempunyai trek basikal sepanjang 2.4km serta dengan pemandangan indah berlatar belakangkan sungai, paya bakau, hutan serta sawah padi. Tiga (3) fasa pembangunan yang telah dirancang adalah seperti berikut:

a. Fasa 1 – Pembersihan Kawasan;
b. Fasa 2 – Pembangunan Laluan dan Landskap; dan
c. Fasa 3 – Program dan Promosi.

LADA telah melaksanakan Fasa 1 iaitu pembersihan kawasan trek basikal dengan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti setempat sebagai langkah permulaan bagi menghidupkan aktiviti berbasikal di kawasan tersebut.

Kerja-kerja pembersihan sedang dilaksanakan.

ii. Penyelenggaraan Pokok Berisiko

Kerja-kerja pemangkasan dan penebangan pokok berisiko telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020. Kawasan yang terlibat adalah Kuala Sungai Melaka, Taman Legenda, Kompleks Sukan LADA, Dataran Lang, Laman Padi dan Taman Desa Permata. Tujuan kerja-kerja ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan risiko kemalangan di samping mengekalkan kestabilan pokok dan keindahan landskap di kawasan tersebut. Sebanyak 26 batang pokok telah dipangkas dan enam (6) batang pokok telah ditebang.

Kerja-kerja pemangkasan sedang dijalankan.

Pengurusan Tanah

Tanah-tanah yang berpotensi dan strategik sebagai tambahan kepada bank tanah LADA yang dikenali sebagai Sistem DLand LADA. Ia dilaksanakan melalui beberapa proses perolehan tanah seperti pembelian dan permohonan tanah serta pengambilan balik tanah kerajaan.

Melalui perolehan tanah ini, LADA dapat mengatur perancangan yang lebih strategik untuk pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi. Kewujudan bank tanah LADA dapat membantu pembangunan dalam sektor sosial, ekonomi dan fizikal dan menjadikannya mampan tanpa mengabaikan pemeliharaan alam semula jadi.

Jumlah keseluruhan tanah pada tahun 2020 yang telah didaftarkan dalam sistem DLand LADA ialah sebanyak 2,239.029 ekar. Tiada peningkatan jumlah tanah pada tahun 2020 berikutan penularan pandemik COVID-19. Berikut ialah perbandingan jumlah keseluruhan tanah milik LADA dari tahun 2016 hingga 2020.

Jumlah Keseluruhan Tanah Milik LADA (2016 - 2020)



Rajah 1: Tanah Milik LADA Tahun 2016 - 2020

Tanah Milik LADA Mengikut Mukim Pada Tahun 2020



KELUASAN KESELURUHAN
2,239.029 Ekar

Tanah Kosong Milik LADA Pada Tahun 2020



Rajah 2: Tanah Kosong Milik LADA Tahun 2020

LADA telah berjaya melaksanakan pelbagai projek pembangunan produk dan kemudahan pelancongan, infrastruktur dan tanah di Langkawi. Pembangunan pesat ini telah meningkatkan nilai tanah di Langkawi dan memberikan impak yang inklusif kepada pemaju dan pemilik hartanah serta penduduk setempat. Berikut merupakan pecahan tadbir urus tanah-tanah milik LADA.

Pecahan tadbir urus tanah milik LADA



Rajah 3: Pecahan Tadbir Urus Tanah Milik LADA

Kawalan Projek Pembangunan

Kawalan projek pembangunan merupakan salah satu komponen penting dalam perancangan dan pelaksanaan projek di atas tanah milik LADA. Ia dilaksanakan dengan mengguna pakai rancangan-rancangan pemajuan piawaian-piawaian kawalan dan perancangan yang telah diwartakan sebagai garis panduan. Antaranya ialah:

01
Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)

02
Rancangan Struktur Negeri Kedah (2035)

03
Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (penggantian)

04
Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan

Selain piawaian-piawaian kawalan dan perancangan yang telah diwartakan, LADA turut menghasilkan garis panduan dalam memastikan pembangunan di Langkawi tidak menjejaskan pengiktirafan pulau tersebut sebagai salah satu UNESCO Global Geopark. Empat (4) kriteria yang terdapat dalam garis panduan tersebut adalah:

i. Menekankan pemeliharaan dan ketidakmusnahan geowarisan dan sumber landskap dalam pembangunan;
ii. Menerapkan pembangunan secara mampan dengan mengambil kira sensitiviti alam sekitar;
iii. Membangunkan projek yang mampu memberikan impak positif terhadap peningkatan aktiviti sosioekonomi penduduk setempat; dan
iv. Mematuhi segala syarat dan kehendak yang dikenakan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

LADA bertanggungjawab memberikan ulasan ke atas permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan kepada pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Ulasan yang diberikan adalah bagi mengekalkan pengiktirafan Langkawi UNESCO Global Geopark yang telah diberikan kepada pulau ini.

Selain itu, LADA turut memberikan ulasan terhadap Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS). Berikut adalah perbandingan jumlah ulasan bagi tahun 2019 dan 2020.

ULASAN	TAHUN 2019	TAHUN 2020
Kebenaran Merancang (KM)	36 Ulasan	34 Ulasan
Penilaian Kesan Alam Sekitar (JAS)	-	1 Ulasan
BPEN	1 Ulasan	-
JUMLAH	**37 Ulasan**	**35 Ulasan**

Jadual 1: Perbandingan Jumlah Ulasan Permohonan Kebenaran Merancang Tahun 2019 Dan 2020

Pemantauan Projek Pelaburan Swasta

LADA turut melaksanakan pemantauan projek pelaburan swasta di atas tanah milik LADA. Berikut ialah projek-projek pelaburan yang sedang dalam pelaksanaan.

i. Langkawi City

Langkawi City dibangunkan dalam empat (4) fasa. Fasa yang pertama dan paling ikonik pembinaannya ialah Langkawi Tower yang merupakan menara setinggi 138m. Menara ini berkonsepkan seni bina Islam dengan menonjolkan ciri-ciri tempatan warisan dan juga daya cipta. Ini merupakan mercu tanda yang mempunyai dek pemerhati dengan pemandangan 360 darjah panorama laut dan bukit yang indah.

Fasa	Penerangan
Fasa 1	Merangkumi Langkawi Boulevard iaitu sebuah ruang komersial terdiri dari kedai pejabat empat tingkat yang sesuai untuk restoran, kafe, bistro, butik fesyen, salun kecantikan, bank, hotel butik, pejabat dan perniagaan lain.
Fasa 2	Mengandungi 318 unit kediaman mewah.
Fasa 3	Pembangunan Langkawi Village yang mengandungi *premium outlets.*
Fasa 4	Pembangunan hotel dan marin.

Jadual 2: Peringkat (Fasa) Pembangunan Projek Langkawi City

Menara MAHA Langkawi

ii. Paradise 101 – Pulau Buatan di Pantai Kok

Paradise 101 ialah pulau buatan seluas 2.469 ekar yang dibangunkan sebagai sebuah kawasan rekreasi dan pelancongan berkonsepkan alam sekitar. Projek ini merupakan sebuah projek terancang, berdaya maju, selesa, selamat, mampan dan mesra alam.

Projek ini merupakan produk pelancongan baru di Pulau Langkawi yang menitikberatkan konsep mesra alam dengan mengekalkan keindahan alam semula jadi. Pembangunan ini juga merupakan kesinambungan daripada pembangunan sedia ada di Pantai Kok dan Telaga Habour Langkawi. Kawasan rekreasi yang dibangunkan mengandungi ruang makan terbuka, jeti pendaratan bot, ruang rehat terbuka, bar mini dan astaka serta bilik rehat pekerja.

Pulau Paradise 101



Sebahagian kemudahan yang disediakan di Paradise 101.

Prestasi Pelaburan

Pelaburan merupakan antara pemangkin utama kepada pembangunan sosioekonomi penduduk dan peningkatan jumlah serta kualiti produk pelancongan Langkawi. Transformasi pelancongan Langkawi bermula dengan wawasan untuk meletakkan pulau tersebut dalam senarai sepuluh buah destinasi ekopelancongan dan pulau terbaik dunia. Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan (BPP) bertanggungjawab memastikan Langkawi sentiasa menjadi destinasi pilihan para pelabur bagi pembangunan produk pelancongan baru.

Memandangkan sektor pelancongan dipacu oleh pelbagai pihak, penyertaan dan kerjasama sektor swasta adalah penting bagi memastikan pembangunan pelancongan yang lestari. Kerjasama awam swasta dan pelaburan langsung yang strategik adalah diperlukan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan bermutu bagi memenuhi keperluan pelancongan norma baharu susulan penularan wabak COVID-19.

Bagi mendepani cabaran tersebut, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan untuk menarik penglibatan pelabur swasta yang berpotensi. Tumpuan pelaburan juga diberikan kepada sektor ekonomi baru yang lain seperti pertanian, akuakultur dan pelancongan nautika. Berikut adalah statistik projek pelaburan di Langkawi bagi tahun 2020:

Kategori Pelaburan di Langkawi Bagi Tahun 2020



Rajah 4: Kategori Pelaburan Di Langkawi Tahun 2020

Sumber: Unit Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Langkawi

Secara keseluruhan, jumlah pelaburan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1.7 bilion dengan catatan pengurangan sebanyak 68% berbanding jumlah yang telah direkodkan pada tahun 2019. Namun begitu, nilai kemasukan pelaburan masih berada pada tahap positif meskipun dengan situasi semasa penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh negara dan dunia. Kategori pelaburan bangunan perniagaan mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu sebanyak 35%, diikuti dengan pelaburan hotel sebanyak 22% dan pembangunan bercampur dan kediaman, masing-masing mencatatkan sebanyak 13%. Berikut merupakan nilai pelaburan yang direkodkan dari tahun 2017 hingga 2020:

Perbandingan Nilai Pelaburan dari Tahun 2017 - 2020



Rajah 5: Perbandingan Nilai Pelaburan Tahun 2017 - 2020

Sumber: Unit Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Langkawi

Jalinan Kerjasama dengan Agensi Kerajaan dan Swasta

LADA sentiasa proaktif dalam memastikan perkhidmatan dan kaedah pelaburan serta perniagaan yang dijalankan bergerak seiring dengan persekitaran perniagaan semasa. Hal ini penting bagi menghasilkan lebih banyak peluang dan manfaat kepada komuniti. Selain memperkenalkan aktiviti ekonomi baru, LADA turut melaksanakan kerjasama dengan pihak swasta. Kerjasama ini bertujuan untuk membantu usahawan-usahawan sedia ada dalam mempertingkatkan dan memperkasakan perniagaan mereka, terutamanya dari sudut pemasaran. Berikut adalah beberapa aktiviti dan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 bagi menjayakan matlamat tersebut:

i. Lawatan Kerja ke Perbadanan Bukit Bendera, Pulau Pinang

Satu lawatan kerja ke Perbadanan Bukit Bendera telah diadakan pada 24 Julai 2020 di Pulau Pinang. Lawatan ini bertujuan mendapatkan perkongsian pengalaman berkaitan pengurusan dan pembangunan yang telah dilaksanakan di Bukit Bendera untuk diaplikasikan kepada perancangan pengurusan hartanah LADA di Gunung Raya, Langkawi.

Peserta lawatan bersama pihak Pengurusan Perbadanan Bukit Bendera, Pulau Pinang.

ii. Lawatan Kerja ke Genting Simon Sdn. Bhd., Genting Highlands, Pahang

Satu lawatan kerja ke Genting Highlands Premium Outlets, Pahang juga telah diadakan pada 17 September 2020. Lawatan ini merupakan platform perkongsian pengalaman dan pandangan bersama pihak pengurusan Genting Simon Sdn. Bhd. berkenaan kaedah pengurusan dan pembangunan Premium Outlet yang boleh diaplikasikan dalam perancangan cadangan pembangunan Langkawi Premium Outlet.

Sesi taklimat dan bergambar kenangan bersama Pengurusan Genting Simon Sdn. Bhd.

iii. Projek Rintis Integrasi Pertanian dan Perikanan di Ayer Hangat Village, Langkawi, Kedah

LADA dengan kerjasama syarikat DXN Agrotech Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Pra-Pelancaran Ayer Hangat Village Berwajah Baru dan Projek Rintis Pertanian dan Perikanan di Ayer Hangat Village, Langkawi. Projek ini merupakan salah satu inisiatif Projek Ekonomi Baru (PEB) di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG).

Projek ini merupakan projek bersepadu yang menawarkan penggunaan teknologi dalam pembangunan pertanian dan perikanan. Ia membuka peluang kepada komuniti Langkawi yang terjejas akibat wabak COVID-19 dan juga kepada anak-anak syarikat LADA untuk mempelajari ilmu berkaitan pembangunan pertanian dan akuakultur.

Melalui pelaksanaan projek ini, komuniti berpeluang untuk menyertai projek penanaman cendawan dan ternakan udang kara air tawar. Pelaksanaan projek ini telah memberi peluang kepada penduduk setempat untuk meningkatkan keadaan ekonomi mereka dan menjana pendapatan yang lebih stabil.

Rumah cendawan, di Air Hangat Village.

Majlis Perasmian Penyerahan Rumah Cendawan kepada peserta.

iv. Program Pertanian Kontrak *(Contract Farming)* LADA-PLSB *Farm*

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) bagi membantu masyarakat yang terkesan dengan wabak COVID-19. Seramai tujuh (7) orang peserta yang kehilangan punca pendapatan telah menyertai program ini. Tanaman sayuran yang diusahakan adalah bersifat bebas racun dan separa organik, antaranya sayuran sawi, kangkung, bayam dan kacang bendi. Para peserta telah diberi khidmat bimbingan teori dan amali oleh konsultan bertauliah iaitu Lang Agro Sdn. Bhd.

Sekitar Majlis Perasmian Pembukaan LADA-PLSB Farm.

v. Program E-Usahawan Pengusaha Kecil Resort Langkawi

LADA dengan kerjasama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin telah melaksanakan program usahawan ini di Langkawi Tourism Academy (LIA). Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada 120 orang pengusaha kecil pusat peranginan *(resort)* di Langkawi berkaitan kepentingan mempromosikan perniagaan menggunakan Internet bagi membantu meningkatkan pendapatan melalui kaedah tempahan secara atas talian yang lebih berkesan.

Sekitar Program E-Usahawan Pengurusan Kecil Resort Langkawi.

vi. Bengkel Online Digital Platform

LADA telah menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui penganjuran bengkel ini di Pusat Internet Komuniti Langkawi. Bengkel tersebut memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan kaedah penggunaan aplikasi 'Shopee' sebagai medium promosi perniagaan secara atas talian yang membolehkan produk untuk dipasarkan ke luar Langkawi.

Sebahagian peserta Bengkel Online Digital Platform.

vii. Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan Produk kepada Usahawan Kecil dan Sederhana Langkawi

LADA dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan kursus ini bersama 60 orang usahawan kecil Langkawi di Dewan Besar Kompleks LADA. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan garis panduan dan kaedah pembungkusan, penjenamaan dan pelabelan produk-produk mereka supaya dapat dikomersialkan pada peringkat yang lebih tinggi.

Sekitar Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan Produk.

viii. Sesi Libat Urus TapawFood bersama Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) Langkawi

LADA dengan kerjasama TapawFood Services telah menganjurkan program bersama lebih 100 orang PKS di Ombak Villa, Langkawi. Sesi ini diadakan bagi membuka peluang kepada para peserta untuk mengembangkan perniagaan dan produk mereka melalui perniagaan atas talian menggunakan aplikasi TapawFood.

Majlis Perasmian Program Sehari Bersama Tapawfood.

ISU DAN CABARAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar. Perancangan pembangunan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan penangguhan dan pembatalan beberapa projek susulan penularan wabak COVID-19. Oleh hal yang demikian, LADA memberi tumpuan kepada pembangunan dan pembinaan semula ekonomi penduduk tempatan Langkawi di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG).

Selain itu, projek-projek pelaburan turut mengalami kelewatan akibat daripada kekangan kewangan dan tenaga kerja kerana negara dalam tempoh PKP. Penyelenggaraan di bawah aset LADA seperti Taman Legenda dan Kuala Sungai Melaka terpaksa dilaksanakan secara minimum dan tertumpu kepada elemen yang penting sahaja melibatkan keselamatan awam.

Di samping itu, pembangunan projek pelaburan merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi Langkawi. Ekoran penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia, BPP menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pelabur yang berpotensi dan berdaya saing untuk melabur di Langkawi. Selain itu, urusan pertemuan secara bersemuka bersama pelabur dan usahawan perlu ditangguhkan bagi mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan, khususnya semasa tempoh PKP.

BAB 12

PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [*Akta 423*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara (EOM)

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan seperti berikut:

A. Pajakan Tanah

Merujuk kepada Nota 14 Penyata Kewangan yang menerangkan mengenai pajakan tanah bagi pembangunan sebuah Hotel.

i. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, Lembaga Pembangunan Langkawi dikehendaki memajak tanah hak milik PT 2482 kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR) untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM660,000 setahun (kadar baharu yang dipersetujui adalah RM550,000). Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi hak milik PT1778 dan PT 6396 yang akan ditentukan kemudian. Dalam tahun 2020, perjanjian pajakan tanah di antara Lembaga Pembangunan Langkawi dan INR belum ditandatangani. Oleh itu Lembaga Pembangunan Langkawi tidak menerima apa-apa pulangan daripada tanah tersebut.

ii. INR merupakan syarikat bersekutu kepada International Eagle Resources Sdn. Bhd. (IER), iaitu syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Langkawi. INR telah mendapatkan pinjaman daripada sebuah bank berjumlah RM246,540,000. Mengikut perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 18 September 2014, sebaik sahaja perjanjian pajakan ditandatangani tanah tersebut akan dicagar kepada Bank pemberi pinjaman sebagai cagaran pinjaman. Sekiranya perjanjian pajakan diteruskan, Lembaga Pembangunan Langkawi berdepan risiko kehilangan tanah tersebut kepada Bank berkenaan.

B. Akaun Kumpulan

Merujuk kepada Nota 10 Kepentingan Dalam Anak Syarikat, penyata kewangan anak syarikat yang bernama International Eagle Resources Sdn. Bhd. (IER) telah disatukan ke dalam penyata kewangan Kumpulan menggunakan akaun pengurusan syarikat.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Langkawi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [*Akta 423*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan.

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan Kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [*Akta 423*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Langkawi berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [*Akta 423*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 APRIL 2022

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami **YAB DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR** dan **DATO' SUHARA BINTI SALLEH** yang merupakan Pengerusi Bersama dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI pada **31 Disember 2020** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **YAB DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR**
GELARAN : PENGERUSI BERSAMA
TARIKH : 29 MAR 2022
TEMPAT : LANGKAWI

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **DATO' SUHARA BINTI SALLEH**
GELARAN : AHLI LEMBAGA PENGARAH
TARIKH : 29 MAR 2022
TEMPAT : LANGKAWI

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Saya, **NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB (NO. K/P: 670501-08-6985)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **LANGKAWI**)
pada 16 MAC 2022)

.....

PESURUHJAYA SUMPAH
No.K071
Name : WAN NOOR AZLINA BINTI WAN TEH
1.1.@21-7.6.2023
MALAYSIA

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

No. 13, Bangunan Arked Teratai
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman.
Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	NOTA	KUMPULAN 2020 RM	KUMPULAN 2019 RM	LEMBAGA 2020 RM	LEMBAGA 2019 RM
ASET					
ASET SEMASA					
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	5	151,137,042	196,109,826	119,315,216	138,544,141
LAIN-LAIN PELABURAN	6	269,090,422	202,793,876	225,758,547	162,742,073
PENGHUTANG PERNIAGAAN		1,303,685	934,818	-	-
PELBAGAI PENGHUTANG	7	33,402,427	83,767,918	42,050,390	125,731,823
INVENTORI	8	2,356,468	2,547,796	1,080,005	1,033,265
WANG CAGARAN DAN PRABAYAR	9	423,008	460,176	118,836	118,836
TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT BERKAITAN		13,897	108,299	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		**457,726,949**	**486,722,709**	**388,322,994**	**428,170,138**
ASET BUKAN SEMASA					
KEPENTINGAN DALAM ANAK SYARIKAT	10	-	-	13,700,002	13,700,002
PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIAR HARGA (KEUTAMAAN)	11	29,000,000	29,000,000	29,000,000	29,000,000
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	12	9,953,744	12,308,449	800,001	800,001
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT LAIN	13	4,325,001	4,325,001	4,325,001	4,325,001
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	14	706,690,794	690,749,272	671,718,348	652,929,794
HARTANAH PELABURAN	15	232,762,741	236,875,252	232,762,741	236,875,252
ASET HIDUP	16	20,935	9,140	20,935	9,140
KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN	17	30,410,497	21,364,053	30,410,497	21,364,053
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		**1,013,163,712**	**994,631,167**	**982,737,525**	**959,003,243**
JUMLAH ASET		**1,470,890,661**	**1,481,353,876**	**1,371,060,519**	**1,387,173,381**
LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
PELBAGAI PEMIUTANG	18	5,443,677	10,353,126	3,206,192	3,750,073
TERIMAAN TERDAHULU	19	3,753,104	3,805,606	3,783,104	3,805,606
PEMIUTANG PERNIAGAAN		1,145,665	2,744,356	-	-
WANG CAGARAN DAN DEPOSIT DITERIMA	9	7,376,512	7,009,325	7,376,512	7,009,325
PERBELANJAAN TERAKRU		19,974,200	20,367,999	1,773,677	2,895,468
PERUNTUKAN CUKAI		592,992	2,524,761	592,992	1,437,718
JUMLAH LIABILITI SEMASA		**38,286,150**	**46,805,173**	**16,732,477**	**18,898,190**
LIABILITI BUKAN SEMASA					
GERAN TERTUNDA	20	75,038,140	246,166,546	75,038,140	246,166,546
PENDAPATAN TERTUNDA	21	193,944,543	199,713,869	193,944,543	199,713,869
MANFAAT PEKERJA		371,647	404,915	371,647	404,915
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		**269,354,330**	**446,285,330**	**269,354,330**	**446,285,330**
JUMLAH LIABILITI		**307,640,480**	**493,090,503**	**286,086,807**	**465,183,520**
ASET BERSIH		**1,163,250,181**	**988,263,373**	**1,084,973,712**	**921,989,861**
EKUITI					
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL		1,104,706,634	927,308,950	1,026,430,165	861,035,438
AKAUN REZAB		-	2,610,876	-	2,610,876
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	22	1,100,000	900,000	1,100,000	900,000
KUMPULAN WANG PELABURAN	23	57,443,547	57,443,547	57,443,547	57,443,547
JUMLAH EKUITI		**1,163,250,181**	**988,263,373**	**1,084,973,712**	**921,989,861**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

		KUMPULAN		LEMBAGA	
	Nota	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN					
PEMBERIAN KERAJAAN		26,500,000	34,545,000	26,500,000	34,545,000
PELUNASAN GERAN KERAJAAN	24	13,005,869	59,562,209	13,005,869	59,562,209
HASIL PELBAGAI	25	21,910,875	-	21,910,875	-
		61,416,744	**94,107,209**	**61,416,744**	**94,107,209**
HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN					
KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP DAN DIVIDEN		9,417,375	11,247,073	14,739,175	11,407,073
HASIL PELBAGAI	25	16,302,579	39,733,799	11,933,865	31,676,714
HASIL OPERASI	26	34,155,446	89,710,469	-	-
		59,875,400	**140,691,341**	**26,673,040**	**43,083,787**
JUMLAH PENDAPATAN		**121,292,144**	**234,798,550**	**88,089,784**	**137,190,996**
PERBELANJAAN					
EMOLUMEN		26,292,760	26,695,357	16,437,695	16,374,557
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		22,130,619	25,099,941	17,216,028	22,903,938
SUSUTNILAI	14,15,16	24,749,647	22,799,765	20,454,858	18,532,826
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	27	13,005,869	43,177,217	13,005,869	43,177,217
KOS JUALAN		13,877,115	24,779,314	-	-
HUTANG RAGU		174,968	625,702	18,797,940	587,964
HAPUSKIRA	28	28,690	73,336	28,690	73,336
BAYARAN PELBAGAI		10,736,212	37,999,857	6,814,191	5,675,834
JUMLAH PERBELANJAAN		**110,995,880**	**181,250,489**	**92,755,271**	**107,325,672**
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN		**10,296,264**	**53,548,061**	**(4,665,487)**	**29,865,324**
(KERUGIAN) DALAM SYARIKAT BERSEKUTU		(2,265,809)	(4,627,297)	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		**8,030,455**	**48,920,764**	**(4,665,487)**	**29,865,324**
TOLAK : CUKAI	29	(2,321,004)	(5,361,702)	(1,992,992)	(2,737,698)
: ZAKAT		(364,973)	(185,209)	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		**5,344,478**	**43,373,853**	**(6,658,479)**	**27,127,626**
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		**927,308,950**	**858,840,230**	**861,035,438**	**808,039,076**
CAMPUR : PELARASAN TAHUN LEPAS	30	172,053,206	25,094,867	172,053,206	25,868,736
LEBIHAN PENDAPATAN DIHANTAR KE HADAPAN		**1,104,706,634**	**927,308,950**	**1,026,430,165**	**861,035,438**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

LEMBAGA

	Nota	Akaun Rezab RM	Akaun Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Lembaga RM
Baki Pada 1 Januari 2019		2,610,876	25,367,975	900,000	808,039,076	836,917,927
Tambahan Dalam Tahun		-	3,075,572	-	-	3,075,572
Pelarasan Tahun Lepas	30	-	29,000,000	-	25,868,736	54,868,736
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	27,127,626	27,127,626
Baki Pada 31 Disember 2019		**2,610,876**	**57,443,547**	**900,000**	**861,035,438**	**921,989,861**
(Kurangan)/Tambahan Dalam Tahun		(2,610,876)	-	200,000	-	(2,410,876)
Pelarasan Tahun Lepas	30	-		-	172,053,206	172,053,206
(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	(6,658,479)	(6,658,479)
Baki Pada 31 Disember 2020		**-**	**57,443,547**	**1,100,000**	**1,026,430,165**	**1,084,973,712**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

KUMPULAN

	Nota	Akaun Rezab RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Kumpulan RM
Baki Pada 1 Januari 2019		2,610,876	25,367,975	900,000	858,840,230	887,719,081
Tambahan Dalam Tahun		-	3,075,572	-	-	3,075,572
Pelarasan Tahun Lepas	30	-	29,000,000	-	25,094,867	54,094,867
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	43,373,853	43,373,853
Baki Pada 31 Disember 2019		**2,610,876**	**57,443,547**	**900,000**	**927,308,950**	**988,263,373**
(Kurangan)/Tambahan Dalam Tahun		(2,610,876)	-	200,000	-	(2,410,876)
Pelarasan Tahun Lepas	30	-	-	-	172,053,206	172,053,206
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		-	-	-	5,344,478	5,344,478
Baki Pada 31 Disember 2020		**-**	**57,443,547**	**1,100,000**	**1,104,706,634**	**1,163,250,181**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	**8,030,455**	**48,920,764**	**(4,665,487)**	**29,865,324**
PELARASAN BAGI :	197,615,109	48,769,766	211,943,292	36,478,990
Susut nilai	24,749,647	22,799,765	20,454,858	18,532,826
Peruntukan Hutang Ragu	174,968	625,702	18,797,940	587,964
Pelarasan Tahun-Tahun Lepas	172,053,206	25,124,282	172,053,206	17,138,183
Keuntungan Pelupusan Harta, Loji dan Peralatan	-	15,243	-	15,243
Pemulihan Hutang Ragu	608,598	131,438	608,598	131,438
Hapuskira	28,690	73,336	28,690	73,336
LEBIHAN PENDAPATAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	**205,645,564**	**97,690,530**	**207,277,805**	**66,344,314**
(Pertambahan)/Pengurangan Pada Aset Kendalian :				
Inventori	191,328	(208,074)	(46,740)	87,939
Wang Cagaran dan Prabayar	37,168	570,778	-	3,583
Pelbagai Penghutang dan Pendahuluan	50,365,491	(9,087,401)	63,474,394	7,592,156
Penghutang Perniagaan	(368,867)	(268,204)	-	-
Terhutang daripada syarikat berkaitan	94,402	437	-	-
Pertambahan/(Pengurangan) Pada Liabiliti Kendalian :				
Pelbagai Pemiutang dan Terimaan Terdahulu	(4,961,951)	(8,008,559)	(566,383)	(2,942,259)
Pemiutang Perniagaan	(1,598,691)	(177,171)	-	-
Wang Cagaran dan Deposit Diterima	367,187	397,090	367,187	397,090
Perbelanjaan Terakru	(393,799)	(1,148,257)	(1,121,791)	(4,887,333)
Pendapatan Tertunda	(5,769,326)	(3,290,658)	(5,769,326)	(3,290,658)
Manfaat Pekerja	(33,268)	-	(33,268)	-
Tunai Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi	243,575,238	76,470,511	263,581,878	63,304,832
Cukai dibayar	(2,685,977)	(4,867,423)	(1,992,992)	(2,876,856)
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	**240,889,261**	**71,603,088**	**261,588,886**	**60,427,976**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Dividen Dibayar	(5,325,041)	(1,500,000)	-	-
Pembelian Harta Loji dan Peralatan	(47,325,846)	(28,382,630)	(45,830,260)	(22,506,322)
Pelupusan Harta Loji dan Peralatan	-	328,953	-	328,953
Pembelian Hartanah Pelaburan	(2,871,078)	(2,830,589)	(2,871,078)	(2,830,589)
Pelupusan Hartanah Pelaburan	-	37,242	-	37,242
Penambahan aset hidup	(18,289)	(2,484)	(18,289)	(2,484)
Pelupusan aset hidup	-	1,471	-	1,471
(Pertambahan) Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan	(9,046,444)	(5,111,358)	(9,046,444)	(5,111,358)
Pelaburan Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen bagi Deposit Lebih Tempoh Matang 3 Bulan	(39,852,650)	(75,074,243)	(63,016,474)	(35,022,440)
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu, Syarikat Lain dan Saham Tak Siar Harga	(21,387,431)	27,043,889	-	4,825,001
TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN	**(125,826,779)**	**(85,489,749)**	**(120,782,545)**	**(60,280,526)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pemberian Kerajaan Persekutuan	11,393,675	86,364,905	11,393,675	86,364,905
Penggunaan Pemberian Kerajaan Persekutuan	(169,018,065)	(106,789,597)	(169,018,065)	(106,789,597)
Penambahan Bagi Kumpulan Wang	200,000	32,075,574	200,000	32,075,574
Pengurangan Rizab	(2,610,876)	-	(2,610,876)	-
TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM)/DIPEROLEHI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN	**(160,035,266)**	**11,650,882**	**(160,035,266)**	**11,650,882**
(Kurangan)/Pertambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	(44,972,784)	(2,235,779)	(19,228,925)	11,798,332
